

**AMALAN BARZANJI  
MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM**

Oleh

Haji Muhammad Fuad bin Kamaluddin Al-Maliki

2009 / 1430

Tajuk

**AMALAN BARZANJI MENURUTPERSPEKTIF ISLAM**

**Muhammad Fuad bin Kamaludin al-Maliki**

Hak Cipt Terpelihara

Cetakan Pertama

1429 / 2008

ISBN 983-3343-50-8

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Disemak dan ditashih oleh:  
Lujnah Penyemak dan Pentashih Penerbitan Agama  
Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Diterbitkan oleh:  
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,  
Majlis Agama Islam Negeri Johor.  
Pusat Islam Iskandar Johor,  
Jalan Masjid Abu Bakar,  
Karung Berkunci 725,  
80990 Johor Bahru.

Dicetak oleh:  
Master Gifts Sdn. Bhd.

---

## **INTISARI**

*Muka Surat*

*Kandungan*

5. Pendahuluan
6. Kitab Maulidur Rasul al-Barzanji secara ringkas
9. Mengenal Pasti Pengarang Kitab Maulid al-Barzanji
12. Pengenalan pengarang kitab Maulid Syeid Jaafar al-Barzanji
  - Keturunan dan kelahirannya
16. Latar belakang pendidikannya
18. Sanad Jami' al-Sahih Imam al-Bukhari
19. Sanad sohih Muslim
20. Hubungan sosial
21. Akhlaknya
23. Kewafatannya
25. Amalan Barzanji
33. Keraguan yang dicetuskan tentang kitab Maulid al-Barzanji
  - Nur Muhammad
  - Soalan dan jawapan
40. Tuduhan yang mengatakan terdapat unsur ingkarnasi dalam ayat Barzanji
45. Menafikan Nabi Muhammad s.a.w. yang terawal
52. Unsur pelampauan dalam memuji Nabi s.a.w.
59. Isu menyeru nama Nabi s.a.w.
61. Seruan berbentuk Majaz
70. Tuduhan yang mengatakan di dalam maulid Barzanji terdapat doktrin Syiah
76. Berdiri ketika membaca maulid Nabi s.a.w.
83. Penutup



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

## AMALAN BARZANJI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### PENDAHULUAN

Terdapat banyak kitab maulid yang dikarang oleh ulama'. Ada di antara kitab-kitab tersebut yang dikarang dalam bentuk syair, disusun dalam bentuk prosa dan sebagainya. Ada di antaranya yang telah dibukukan dan ada di antaranya yang masih berbentuk manuskrip dan sebagainya. Penulisan kitab maulid tidak pernah berhenti dan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa sehingga ke hari ini selagi ada pencinta-pencinta Nabi s.a.w di muka bumi ini.

Di antara kitab maulid yang terdapat di dunia Islam ialah **al Maurid al Haniyy fi Maulid al Saniyy** karangan al Hafiz Abdur Rahman ibn al Husain al Misri, **Jami' al Athar fi Maulid al Naby al Azhar** karangan al Hafiz Syamsuddin Muhammad ibn Abu

Bakar al Syafi'i, '**Iqd al Jauhar fi Maulid al Nabiyy al Azhar** karangan Syeikh Ja'far al Barzanji dan banyak lagi.

Mereka menulis di dalamnya tentang kisah kelahiran, sirah kehidupan, sifat-sifat dan akhlak Baginda s.a.w.a.w. yang agung. Mereka melakukannya kerana mengikut manhaj al Quran al Karim yang didapati banyak menceritakan tentang kisah-kisah kelahiran para nabi. Di antaranya, kisah Sayyiduna Musa a.s. di dalam surah al Qasas yang menceritakan tentang kisah Nabi Musa a.s. sebelum, semasa dan selepas kelahirannya sehinggalah Allah S.W.T mengutus Baginda a.s. menjadi nabi. Di dapati kisah Baginda a.s. disebut di dalam al Quran tidak kurang dari tujuh muka. Begitu juga kisah kelahiran Sayyiduna Yahya ibn Zakaria a.s. di dalam surah Maryam dan surah Aali Imran dan kisah kelahiran Maryam di dalam surah Aali Imran. Difahami dari sini juga, bahawa perkara ini bukanlah bid'ah. Apakah dinamakan bid'ah apabila kita mengikut manhaj al Quran?

### **KITAB MAULID BARZANJI SECARA RINGKAS**

Di Nusantara, kebanyakan umat Islam dari ceruk kampung hingggalah ke bandar-bandar besar menyambut Maulid Nabi s.a.w dengan membaca kitab Maulid Nabi s.a.w yang dikenali sebagai **Maulid Barzanji**, selain kitab **Maulid al Daiba'ei** karya Syeikh Abdur Rahman al Daiba'ei dan **Samt al Durar** karya Sayyid Ali ibn Muhammad al Habsyi.

Nama sebenar kitab maulid yang lebih dikenali sebagai **Maulid Barzanji** ini ialah '**Iqd al Jauhar fi Maulid al Nabiyy al Azhar** Namun, nama ini tidak masyhur digunakan sebagaimana penggunaan nama kitab **Maulid Barzanji**.

Kitab ini dinamakan kitab maulid, bukan kerana di dalamnya hanya mengandungi kisah-kisah kelahiran Nabi Muhammad s.a.w tetapi kerana mengambil asal penamaan yang

---

diberikan oleh setiap orang alim bagi kitab mereka. Kemudian dinisbahkan kepada nama pengarangnya Syeikh Ja'far al Barzanji r.a., maka jadilah ia kitab **Maulid Barzanji**.

Secara umumnya, kitab ini mengandungi ringkasan tentang keturunan Nabi s.a.w yang mulia, kelahiran Baginda s.a.w peristiwa semasa kelahirannya dan tempoh pembesarannya, sirah kehidupan Baginda s.a.w dakwahnya, peristiwa Isra' dan Mikraj, hijrahnya ke Madinah, bentuk tubuh dan sifat-sifatnya serta lain-lainnya. Kemudian ia dipersembahkan melalui susunan prosa yang indah. Pendek kata, membaca kitab **Maulid al Barzanji** bermakna membaca sirah kehidupan Baginda s.a.w keistimewaan dan sifat-sifatnya. Namun, bukanlah suatu kemestian kitab-kitab seperti ini dibaca di dalam majlis maulid.

Tidak pernah didengari pembaca kitab **Maulid Barzanji** menyamakan kitab ini seperti al Quran, sekalipun ada insan yang menulis dan mendakwa bahawa penghormatan orang awam terhadap kitab maulid (Barzanji), hampir-hampir menyerupai penghormatan kepada al Quran. Tetapi apa yang pernah saya temui dalam bahagian muqaddimah salah sebuah kitab **Maulid Barzanji** terjemahan Bahasa Melayu ditulis:

“Membaca kitab Barzanji tidak sama dengan membaca al Quran. Orang yang membaca al Quran mendapat pahala dari setiap huruf yang dibacanya, sama ada dia faham atau tidak. Sedangkan orang yang membaca kitab Barzanji mendapat pahala bukan dari setiap huruf yang dibacanya, tetapi dari amalannya membaca riwayat Rasulullah s.a.w atau memujinya.”

Ternyata, kitab ini telah memberikan impak yang besar dalam menanam semangat kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah s.a.w semenjak dahulu lagi. Namun, sebagai sebuah kitab yang dinisbahkan kepada manusia, ia juga tidak terlepas dari kekurangan dan kelemahan. Namun, kekurangan yang ada bukanlah alasan yang kukuh untuk kita melabelkan kitab ini

---

sebagai sebuah kitab yang membawa kesyirikan seolah-olah tiada langsung kandungannya yang mendatangkan manfaat kepada manusia.

Oleh kerana itu, terdapat beberapa prosa yang dipertikaikan kerana kedudukan hadisnya yang diperselisihkan. Misalnya, kisah mengenai kedatangan Sayyidatuna Asyah dan Maryam kepada Aminah semasa kelahiran Baginda s.a.w.<sup>1</sup>

Namun, melemparkan tuduhan bahawa kitab **Maulid Barzanji** penuh dengan perkara tahyul, khurafat, bid'ah dan kesyirikan adalah melampau dan tidak adil. Manusia yang sempurna ialah orang yang menegur, membetul dan memaafkan kesalahan bukannya mencaci, mencerca dan mengecam.

Sekalipun terdapat isi kandungannya yang diragui, namun masih terdapat banyak fakta yang tidak bercanggah, malah didasari oleh dalil-dalil yang kukuh. Kitab ini berkaitan tentang manaqib dan biografi, bukannya tentang tauhid atau pun hukum halal dan haram. Justeru, seharusnya kita berlapang dada dan bersikap adil, kerana banyak manfaat yang telah terhasil dari kitab ini terutamanya dalam menanam sifat kecintaan umat terhadap Rasulullah s.a.w melalui penceritaan tentang sirah Baginda s.a.w, ketinggian kedudukan Baginda s.a.w dan juga ucapan salawat dan salam yang terdapat di dalamnya.

---

<sup>1</sup> Guru kami al Muhaddith Syeikh Muhammad ibn Ibrahim al Kattani dan al Muhaddith Dr. Mahmud Sa'id Mamduh menegaskan bahawa hadith mengenainya adalah maudhu'.



---

## MENGENAL PASTI KITAB MAULID BARZANJI

---

Ramai umat Islam yang terkeliru, apabila disebut kitab **Maulid Barzanji**, secara automatik mereka akan membayangkan kitab **Majmu'ah Maulud Syaraf al Anam**. Sedangkan, kitab ini bukan sahaja mengandungi **Maulid Barzanji** tetapi turut mengandungi bacaan maulid, qasidah, doa dan ratib yang bukan ditulis oleh Syeikh Ja'far al Barzanji r.a.

Hanya terdapat satu bacaan Maulid tulisan al Allamah Syeikh Ja'far al Barzanji r.a. di dalam kitab ini, iaitu **Maulud al Barzanji Nathar** (prosa) pada halaman 72 hingga 109. Manakala **Maulud al Barzanji Nazam** (syair) pada halaman 110 hingga 147 ditulis oleh cicitnya al Allamah Sayyid Zain al Abidin ibn Sayyid Muhammad al Hadi.

Permasalahan yang timbul, apabila ramai yang beranggapan bahawa kitab **Majmu'ah** tersebut merupakan kitab Maulid Syeikh Ja'far al Barzanji r.a., maka segala tuduhan, fitnah, keraguan dan ketidakpuasan yang terdapat di dalam kitab **Majmu'ah Maulud Syaraf al Anam** dilemparkan kepada Syeikh Ja'far al Barzanji r.a. termasuk tuduhan kafir, syirik dan mengadakan perkara khurafat.

Jika kita meneliti kandungan yang terdapat di dalam kitab Maulid Syeikh Ja'far al Barzanji r.a., tiada perkara yang boleh membawa kesyirikan kepada pembacanya mahu pun penulisnya. Segala kandungan kitab Maulid Barzanji mempunyai sandarannya, cuma beberapa perkara bersandarkan kepada hadis yang diperselisihkan kedudukannya. Namun, tetap juga tidak menyentuh mengenai perkara aqidah sehingga boleh menjerumuskan pembacanya ke dalam lubuk kesyirikan.

Apa yang saya dapati, terdapat beberapa penulis zaman ini yang bersemangat tidak kena pada tempatnya, mencetuskan pelbagai keraguan tentang kandungan kitab ini. Malah, lebih teruk lagi, segala keraguan yang terdapat di dalam kitab **Majmu'** dipertanggungjawabkan kepada Syeikh Ja'far al Barzanji r.a., sedangkan beliau bukan penulis bagi semua isi kandungan kitab tersebut dan tidak diketahui siapa penulisnya. Oleh kerana kecuaiian dan kecelaruan Anti Barzanji untuk memurnikan aqidah umat Islam yang dianggap banyak melibatkan perkara yang karut marut, Syeikh Ja'far al Barzanji r.a. juga dikategorikan sebagai pelaku syirik. Na'uzubillah.

Melemparkan tuduhan fasiq, syirik dan kafir tanpa asas dan dalil yang kukuh merupakan sebesar-besar bid'ah yang dilakukan oleh golongan masa kini. Sikap ini adalah merupakan warisan dari amalan kaum Khawarij yang tercela.

Tuduhan-tuduhan yang mengguris hati umat Islam di serata pelusuk dunia yang melibatkan kelompok terbesar kaum Muslimin ini tidak pernah dilakukan oleh golongan salaf yang mulia. Saya tidak sewenang-wenangnya berani menghukum Anti Barzanji atas tuduhannya yang tidak berasas, tetapi saya ingin mengingatkan kita semua tentang hadis Rasulullah s.a.w:

إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِأَخِيهِ يَا كَافِرٌ فَقَدْ بَاءَ بِهِ أَحَدُهُمَا

*“Apabila seseorang berkata kepada saudaranya, “Wahai kafir! Maka sesungguhnya perkataan tersebut akan mengenai salah seorang daripada mereka berdua.”*

Rasulullah s.a.w juga pernah bersabda:

لَا يَرْمِي رَجُلٌ رَجُلًا بِالْكَفْرِ وَلَا يَرْمِيهِ بِالْفِسْقِ إِلَّا ارْتَدَّتْ إِلَيْهِ إِنَّ لَمْ  
يَكُنْ صَاحِبُهُ كَذَلِكَ

*“Tidaklah seseorang itu menuduh seseorang yang lain dengan kekufuran dan menuduh dengan kefasiqan, melainkan akan kembali ke atasnya tuduhan itu sekiranya orang yang dituduh tidak sedemikian.”*

Tuduhan yang dilemparkan oleh Anti Barzanji hakikatnya merupakan fitnah besar kepada Syeikh Ja'far al Barzanji r.a., seorang allamah, mufti mazhab Syafi'i di Madinah al Munawwarah, ahli keluarga Nabi s.a.w, berketurunan mulia dan sebagainya. Mustahil orang yang dilantik sebagai mufti bercelaru pegangannya dan sesat aqidahnya. Justeru, sebagai jalan selamat sebelum terlambat, saya menyeru kepada Anti Barzanji supaya bertaubat atas perbuatannya yang telah menfitnah ulama' besar ini. Bahkan, menjatuhkan maruah seorang ilmuwan Islam yang disegani ramai.

**Maulid Barzanji Nathar** telah disyarahkan oleh dua orang ulama' iaitu Syeikh Ja'far ibn Ismail al Barzanji yang dinamakan dengan **al Kaukab al Anwar 'ala 'lqad al Jauhar fi Maulid al Nabiyy al Azhar** dan Imam Muhammad 'Ulaish al Maliki yang dinamakan dengan **al Qaul al Munji ala Maulid al Barzanji**.

---

**PENGENALAN PENGARANG KITAB MAULID,  
SAYYID JA'FAR AL BARZANJI R.A.**



**KETURUNAN DAN KELAHIRANNYA**

Nama beliau ialah Ja'far ibn Hasan ibn Abdul Karim ibn Sayyid Muhammad<sup>2</sup> ibn al Qutb al Arif Sayyid Rasul ibn Abdus Sayyid ibn Abdur Rasul ibn Qalandar ibn Abdus Sayyid ibn Isa ibn al Husain ibn Bayazid ibn al Mursyid Abdul Karim ibn al Qutb al A'zam al Ghauth al Fard al Jami' Isa ibn Ali ibn Yusuf ibn Mansur ibn Abdul Aziz ibn Abdullah ibn Ismail al Muhaddith ibn al Imam Musa al Kazim ibn al Imam Ja'far al Sodiq ibn al Imam Muhammad al Baqir ibn al Imam Ali Zainal Abidin al Sajjad ibn al Imam al Syahid al Husain ibn al Imam Amirul Mukminin Ali ibn Abu Talib.

Beliau dilahirkan pada hari Khamis awal bulan Zulhijjah 1126 H di Madinah al Munawwarah.

Perkataan '**Barzanji**' yang dinisbahkan kepada namanya diambil dari nama kampung asal keturunannya. Di sebalik nama kampungnya ini, tersimpan cerita dan sejarah yang menarik. Pada

---

<sup>2</sup> Ada pendapat menyatakan bahawa beliau merupakan Mujaddid kurun ke-11.

---

asalnya, kampung ini telah dimakmurkan oleh dua orang saudara iaitu Musa a.s. dan Isa a.s. Kedua-duanya merupakan wali qutub besar dan moyang Sayyid Ja'far al Barzanji r.a. yang terdapat di Iraq.

Ketika dua bersaudara ini bermusafir ke Syahrazur pada penghujung zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah, mereka berehat dan tidur seketika di bawah sebatang pokok. Salah seorang daripada mereka, Sayyid Isa r.a. bermimpi melihat Rasulullah s.a.w menyuruh beliau menetap di suatu tempat yang kini dinamakan Barzanj. Di dalam mimpi tersebut, Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya, "Sesungguhnya kubur kamu dan kubur saudara kamu adalah di tempat ini. Binalah masjid di sini (sambil mengisyaratkan dengan tangannya dan menanda kawasan tersebut dengan tongkatnya)."

Rasulullah s.a.w bersabda lagi, "Galilah dari sini (sambil menunjukkan kawasan tersebut dengan tangan Baginda s.a.w yang mulia). Maka air akan keluar dari tempat ini."

Kemudian Baginda s.a.w menyapu ubun kepala Sayyid Isa a.s. Setelah terjaga, beliau mengkhabarkan mimpi tersebut kepada saudaranya Musa r.a. Sesungguhnya kelihatan cahaya terpancar di tempat sapuan Rasulullah s.a.w tersebut. Selepas itu, Sayyid Isa r.a. sentiasa melabuhkan serbannya di atas ubun kepalanya (untuk menutup sinar cahaya tersebut).

Setelah mengumpulkan orang ramai, mereka pun mula membina masjid di tempat yang ditunjuki oleh Rasulullah s.a.w. Tetapi salah satu dari batang kurma yang dijadikan tiang masjid tersebut pendek dan tidak sama panjang dengan batang kurma yang lain. Maka Sayyid Isa r.a. memegang salah satu hujung batang kurma tersebut dan Sayyid Musa r.a. pula memegang sebelah hujung yang lain. Lalu kedua-duanya membaca basmalah dan kayu tersebut menjadi sama panjang dengan kayu-kayu yang lain.

Sesungguhnya, ini merupakan nikmat Allah S.W.T yang dikurniakan kepadanya. Dengan penuh rasa rendah diri dan kagum terhadap kekuasaan Allah S.W.T, Sayyid Muhammad ibn Rasul al Barzanji r.a. mengubah syair bagi mengungkapkan nikmat tersebut:

حِدْعَانِ فَخْرِي يَشْهَدَانِ بِمَجْدِي \* حِدْعُ هُنَا قَدْ حَنَّ لِجَدِّي مُوسَى  
 تَانِ بَبْرُتَجٍ بِمَسْجِدِهَا الَّذِي جَدِّي \* وَعَيْسَى أَسَّاهُ بِجَدِّ أَعْظَمِ  
 وَعَمِّي أَمَدَّ فِي أَيْدِيهِمَا \* لِحَارِقِ حِدْعِنَا الْمُمَدِّ

*“Dua batang kurma yang menjadi kebanggaanku menyaksikan kemuliaanku, sebatang daripadanya di sana (Madinah) telah merindui nendaku (Rasulullah s.a.w)<sup>3</sup>*

<sup>3</sup> Allah S.W.T. telah menganugerahkan mukjizat kepada Rasulullah s.a.w. batang kurma merindunya. Diriwayatkan oleh al Bukhari dan lain-lainnya, daripada Jabir a.s.:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) كَانَ يَقُومُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلَى شَجَرَةٍ أَوْ نَخْلَةٍ، فَقَالَتْ امْرَأَةٌ مِنَ الْأَنْصَارِ،  
 أَوْ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! أَلَا تَجْعَلُ لَكَ مَنْبَرًا؟ قَالَ: إِنْ شِئْتُمْ فَاجْعَلُوهُ فَجَعَلُوهُ لَهُ مَنْبَرًا،  
 فَلَمَّا كَانَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ذَهَبَ إِلَى الْمَنْبَرِ فَصَاحَتْ النَّخْلَةُ صِيَاحَ الصَّيْبِ، فَنَزَلَ رَسُولُ اللَّهِ  
 (ص) فَضَمَّهَا إِلَيْهِ، كَأَنَّهُ بَيْنَ أُيُنِ الصَّيْبِ الَّذِي يُسْكِنُهُ، قَالَ: كَأَنَّهُ تَبْكِي عَلَيَّ مَا كَأَنَّهُ  
 تَسْمَعُ مِنَ الذِّكْرِ عِنْدَهَا .

“Bahawa Rasulullah s.a.w. berdiri berkhotbah pada hari Jumaat di sebatang pokok atau batang kurma. Maka berkata seorang perempuan Ansar, atau seorang lelaki, "Wahai Rasulullah! Biarkan kami mendirikan sebuah mimbar

---

*Batang yang keduanya berada di Barzanj iaitu di masjid yang diasaskan oleh Musa a.s. dan Isa a.s. dengan penuh kesungguhan.*

*Nendaku (Musa) dan nenda saudaraku (Isa), menjadi panjang batang kurma tersebut di kedua tangan mereka. Muliakanlah dan besarkanlah Allah S.W.T yang menarik adat bagi batang kurma yang menjadi panjang untuk kami.”*

Disebut di dalam **al Fusul**, bahawa masjid ini masih kekal hingga ke hari ini dan makmur.

Sayyid Hasan ibn Sayyid Sulaiman al Barzanji menyatakan, bahawa di tiang-tiang masjid tersebut diletakkan besi bagi memelihara bangunan masjid tersebut yang hampir-hampir roboh ditelan zaman. Di dalam masjid ini pula, terdapat sebuah kolam air. Sesiapa yang tidur di dalam masjid ini pada waktu malam, apabila terjaga dia akan mendapati dirinya berada di dalam kolam tersebut. Oleh kerana itu, tidak kedapatan seorang pun yang tidur di dalam masjid ini. Ini merupakan kemuliaan yang telah Allah S.W.T kurniakan ke atas masjid yang dibina oleh kekasihNya untuk menjaganya dari dicemari oleh perkara-perkara yang tidak baik dan tidak beradab.

Keluarga Barzanji merupakan keluarga ulama' yang mempunyai kedudukan dan kemuliaan di sisi masyarakat. Mereka dihormati dan dimuliakan oleh penduduk di Syhrazur sehinggakan ramai yang datang menziarahi maqam keluarga al

---

untukmu?” Sabda Rasulullah s.a.w., “Sekiranya kamu mahu, dirikanlah.” Mereka pun membuat mimbar untuk Baginda s.a.w Pada hari Jumaat, Rasulullah s.a.w. pun pergi ke mimbar tersebut. Lantas berteriaklah batang kurma seperti tangisan kanak-kanak kecil. Lalu Rasulullah s.a.w. turun dari mimbar dan memeluk batang kurma tersebut. Esakan batang kurma tersebut seperti esakan kanak-kanak kecil yang sedang dipujuk. Rasulullah s.a.w. bersabda, “Ia menangis kerana zikir yang pernah didengari daripada Rasulullah s.a.w. semasa berkhotbah di sisinya (sebab Nabi s.a.w. tidak lagi berkhotbah di sisinya).”

Barzanji untuk berdoa dan menyampaikan hajat mereka dengan keberkatan mereka. Allah S.W.T telah menyembuhkan penyakit orang-orang sakit yang datang berdoa dan memperkenankan hajat orang-orang yang berdoa dan bertawassul di maqam-maqam tersebut.

### **LATAR BELAKANG PENDIDIKANNYA**

Beliau dibesarkan di bawah didikan dan asuhan ayahandanya. Beliau mempelajari al Quran daripada Syeikh Ismail al Yamani r.a. Kemudian mempelajari ilmu tajwid daripada Syeikh Yusuf al Sa'idi r.a. dan Syeikh Syams al Din al Misri r.a. Di antara guru-gurunya di Madinah ialah:

- 1) Sayyid Abdul Karim Haidar al Barzanji r.a.
- 2) Syeikh Yusuf al Kurdi r.a.
- 3) Sayyid 'Atiyyatullah al Hindi r.a.

Setelah itu, beliau mendalami ilmunya dengan ulama' yang berada di Makkah dan menetap di sana selama 5 tahun. Di antara guru-gurunya di Makkah ialah:

- 1) Syeikh 'Ataillah ibn Ahmad al Azhari r.a.
- 2) Syeikh Abdul Wahhab al Tontowi al Ahmadi r.a.
- 3) Syeikh Ahmad al Asybuli r.a. dan lain-lain lagi.

Oleh kerana kepakarannya yang tinggi di dalam persada ilmu, beliau telah diijazahkan dengan sanad-sanad ilmu oleh Masyaikh pada zamannya. Di antara guru-gurunya yang pernah menganugerahkan sanad kepadanya ialah:

- 1) Syeikh Muhammad Tayyib al Fasi r.a.



- 2) Sayyid Ahmad al Tobari r.a.
- 3) Syeikh Muhammad ibn Hasan al 'Ujaimi r.a.
- 4) Sayyid Mustafa al Bakari r.a.
- 5) Syeikh Abdullah al Syubrawi al Misri r.a.

Beliau telah belajar daripada mereka pelbagai ilmu pengetahuan. Di antaranya ilmu saraf, nahu, mantiq, ma'ani, bayan, adab, fiqh, usul fiqh, faraidh, matematik, hadis, mustalah hadis, tafsir, dakwah, kejuruteraan, 'arudh, kalam, bahasa, sirah, qiraat, suluk, tasawwuf dan sebagainya.

Apa yang berlaku pada zaman mutakhir ini, sesetengah ahli masyarakat melemparkan tuduhan bahawa beliau bukan seorang ilmuwan Islam. Anggapan yang tidak berasas ini, menyebabkan kitab maulid karangannya yang selama ini diterimakai di dalam Majlis Sambutan Maulid Nabi s.a.w di kebanyakan negara Islam, dituduh mengandungi banyak perkara khurafat dan bertentangan dengan al Quran dan Hadis.

Oleh kerana itu, untuk meneutralkan tanggapan negatif ini, adalah wajar saya mengenangkan di dalam buku ini sanad beliau yang menghubungkan ilmunya dengan dua buah kitab hadis yang muktabar; al Bukhari dan Muslim sehingga kepada Rasulullah s.a.w, bagi membuka mata dan meyakinkan kita bahawa pengarang kitab **Maulid Barzanji** yang kita baca selama ini bukanlah calang-calang ulama'.

---

## **SANAD JAMI' AL SAHIH IMAM BUKHARI**

### **Sayyid Ja'far al Barzanji belajar daripada,**

1. Syeikh Muhammad Tayyib al Fasi, belajar daripada
2. Syeikh Ibrahim al Dir'i, belajar daripada
3. Syeikhah Fatimah binti Syukrillah al Uthmaniyyah, bonda nendanya Sayyid Muhammad ibn Abdur Rasul, belajar daripada
4. Al Syams Muhammad ibn Ahmad al Ramli, belajar daripada
5. Syeikh al Islam al Qadhi Zakaria ibn Muhammad al Ansari, belajar daripada
6. Al Hafiz Ahmad ibn Ali ibn Hajar al 'Asqalani, belajar daripada
7. Syeikh Ibrahim ibn Ahmad al Tanukhi, belajar daripada
8. Syeikh Abi al Abbas Ahmad ibn Abi Talib al Hajjar al Dimasyqi, belajar daripada
9. Al Siraj al Husain al Mubarak al Zabidi, belajar daripada
10. Abdil Awwal ibn Isa al Harawi, belajar daripada
11. Abdir Rahman ibn Muzaffar al Dawudi, belajar daripada
12. Abi Muhammad Abdullah ibn Hamawih al Sarkhasi, belajar daripada
13. Syeikh Abi Abdillah Muhammad ibn Yusuf ibn Matar al Farabri, belajar daripada

---

Pengumpulnya, Amirul Mukminin al Imam al Hafiz al Hujjah Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al Bukhari.

### **SANAD SOHIH MUSLIM**

#### **Sayyid Ja'far al Barzanji, belajar daripada**

1. Syeikh Abdullah al Syubrawi al Misri, daripada
2. Syeikh Muhammad Zurqani ibn Abdul Baqi al Maliki al Azhari, daripada
3. Al Hafiz Muhammad ibn al 'Ala' al Babili, daripada
4. Syeikh Abi al Naja Salim ibn Muhammad al Sanhuri, daripada
5. Al Najm Muhammad ibn Ahmad al Ghaiti, daripada
6. Syeikh al Islam Zakaria ibn Muhammad al Ansari, daripada
7. Abi al Nu'aim Ridhwan ibn Muhammad, daripada
8. Syeikh Abi Tahir Muhammad ibn Muhammad, daripada
9. Abi al Faraj Abdur Rahman ibn Abdul Hamid al Maqdisi, daripada
10. Syeikh Abi al Abbas Ahmad ibn Abdud Daim al Nablusi, daripada
11. Syeikh Muhammad ibn Ali al Harani, daripada
12. Faqih al Haram Muhammad ibn al Fadhl al Farawi, daripada

13. Syeikh Abi al Husain Abdul Ghafir ibn Muhammad al Farisi, daripada
14. Abi Ahmad Muhammad ibn Isa al Jaludi, daripada
15. Syeikh Abi Ishaq Ibrahim ibn Muhammad ibn Sufyan al Zahid, daripada

Pengumpulnya al Imam al Hujjah Muslim ibn al Hajjaj al Qusyairi al Naisaburi.

Kepakarannya di dalam bidang keilmuan telah menarik ramai orang datang menemuinya untuk mempelajari ilmu. Beliau mengikuti dan menyelami jalan ahli tasawwuf dan meninggalkan kerehatan dan tidur lebih dari 20 tahun sehingga beliau mempunyai kemahiran di dalam ilmu **naqli**<sup>4</sup> dan **aqli**. Beliau pernah mengambil tariqat daripada Sayyid 'Atiyyatullah al Hindi r.a. dan Sayyid Mustafa al Bakari r.a..

Beliau juga telah mengarang banyak kitab yang menakjubkan dan bermanfaat. Di antaranya ialah kitab Maulid Nabi s.a.w yang tidak pernah ditulis oleh pengarang sebelumnya yang dinamakan dengan '**lqd al Jauhar fi Maulid al Nabi al Azhar s.a.w**

## **HUBUNGAN SOSIAL**

Beliau juga mempunyai kredibiliti yang tinggi dalam masyarakat sehingga dilantik sebagai Mufti Mazhab Syafi'i r.a. di al Madinah al Munawwarah. Beliau memegang jawatan tersebut sehingga kewafatannya dan dianugerahkan dengan kebesaran yang tinggi sehingga kata-katanya diperkenankan dan dilaksanakan oleh

---

<sup>4</sup> Berdasarkan al Quran dan Sunnah.

---

raja-raja dan pemerintah-pemerintah di Haramain (Makkah dan Madinah), Mesir, Syam, Rom dan sebagainya.

Kata-katanya juga diterimapakai oleh Jema'ah Menteri Kerajaan Uthmaniah dan pembesar-pembesar negara tersebut. Suaranya tersebar seperti burung yang berterbangan di seluruh pelusuk dunia hingga hampir tiada sesiapa yang tidak mengenalinya. Karyanya tersebar luas dan kelebihan kitabnya tiada tolok bandingnya pada zamannya.

### **AKHLAKNYA**

Beliau mempunyai akhlak yang mulia, bersifat tawadhu', hati yang bersih, cepat memaafkan orang lain dan tidak mengabaikan hak orang lain. Beliau merupakan keturunan dari keluarga Rasulullah s.a.w dan di kalangan ketua yang menjadi tempat rujukan keturunan Baginda s.a.w pada zamannya. Beliau juga merupakan seorang yang zuhud, wara', berpegang dengan al Quran dan Sunnah, banyak berzikir, sentiasa bertafakkur, mengorbankan harta dan jiwa untuk melakukan kebaikan, serta banyak bersedekah sehingga dikenali sebagai seorang dermawan.

Beliau juga mempunyai karamah yang dizahirkan oleh Allah S.W.T. Di antaranya, beliau pernah dipanggil dari tempat solatnya pada hari Jumaat menaiki mimbar Rasulullah s.a.w. Pada masa tersebut, sedang berlaku kemarau yang panjang. Maka orang bertawassul dengannya supaya diturunkan hujan. Dengan kehendak Allah S.W.T, maka hujan pun turun dengan lebatnya dan tanah yang kering-kontang menjadi subur. Ramai di kalangan ulama' yang memujinya sebagaimana yang dirakamkan di dalam syair gubahan mereka. Di antaranya:

وَيَحْنُ بِجَعْفَرٍ غَيْبًا سَقِينَا      \*\*      سَقَى الْفَارُوقُ بِالْعَبَّاسِ قَدَمًا  
 وَسَيْلَنَا إِمَامُ الْعَارِفِينَ      \*\*      فَذَاكَ وَسَيْلَةٌ لَهُمْ، وَهَذَا

“Dahulu Sayyiduna Umar r.a. pernah bertawassul meminta hujan dengan Sayyiduna al Abbas r.a, dan kini kami bertawassul dengan Ja’far r.a., maka diturunkan hujan kepada kami.”<sup>5</sup>

Ketika itu, al Abbas r.a menjadi wasilah bagi mereka dan ini pula wasilah kami iaitu seorang imam ahli Arifin (Ja’far ؑ).”

<sup>5</sup> Khalifah Umar ibn al Khattab r.a. sepertimana yang diriwayatkan oleh al Bukhari dan Muslim daripada Anas r.a. pernah bertawassul dengan bapa saudara Nabi s.a.w, iaitu Abbas ibn Abdul Muttalib ketika berlaku musim kemarau. Umar al Khattab r.a. berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا إِذَا قَحَطْنَا تَوَسَّلْنَا إِلَيْكَ بِنَبِيِّنَا فَسُقِنَا وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِعَمِّ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ  
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْقِنَا، قَالَ: فَيُسْقُونَ.

“Ya Allah! Sesungguhnya apabila kami menghadapi kemarau, kami bertawassul kepada Engkau dengan Nabi kami (Muhamma s.a.w, maka Engkau menurunkan hujan kepada kami. Dan sekarang ini, kami bertawassul kepada Engkau dengan bapa saudara Nabi Muhammad S, maka turunkanlah hujan kepada kami.” Anas ؑ menyebut, “Maka hujan pun diturunkan ke atas mereka.”

Sila lihat di dalam kitab **Syifa al Saqqam** karangan Syeikh Taqiyuddin al Subki H:171.

## **KEWAFATANNYA**

Beliau pernah menyebut dengan tepat tentang hari kewafatannya. Ketika hari kewafatannya hampir tiba, beliau turun untuk menyampaikan pengajarannya selepas solat Subuh. Ketika menyampaikan pengajarannya, beliau menangis sehingga akhir pengajarannya. Kemudian beliau pergi menziarahi Maqam Nabi s.a.w dan mengucapkan salam ke atas Baginda s.a.w, lalu menangis teresak-esak.

Kemudian beliau masuk ke dalam rumahnya. Selepas itu, beliau keluar dan pergi menziarahi sebahagian dari sahabat-sahabatnya yang rapat, lalu mengucapkan ucapan perpisahan dengan mereka. Kemudian beliau pergi menemui ahli keluarganya dan mengucapkan ucapan perpisahan dengan mereka. Sebelum Zuhur beliau balik semula ke rumahnya.

Sayyid Kamal al Halabi mengkhabarkan: Sayyid Syeikh Abu al Hasan al Hindi datang menemui Syeikh Ja'far al Barzanji r.a. dengan membawa dua soalan yang datang dari negara India. Setelah membuka kedua-dua soalan tersebut, beliau menulis jawapannya di atas kertas. Ketika menandatangani surat jawapan tersebut, beliau menulis:

**Ditulis Oleh**  
**Orang yang akan berpindah kepada Tuhannya**  
**Ja'far al Barzanji**  
**Ini adalah jawapan terakhir yang saya tulis semasa di dunia.**

Kertas tersebut, kemudiannya diserahkan kepada saya sambil berkata, "Serahkan kedua jawapan ini kepada syeikh tersebut. Maka saya membukanya dan melihat apa yang ditulis oleh beliau. Saya berkata kepadanya, "**Jangan tuan berfirasat begitu terhadap diri tuan.**" Dia berkata kepada saya, "**Hari apakah ini?**" Saya menjawab, "**Hari Ahad.**" Beliau berkata, "**Hari Ahad, hari Isnin, hari Selasa selepas Asar**

---

**sesungguhnya saya akan berpisah dari kamu dan akan berjalan menuju kepada Allah S.W.T.”**

Ternyata firasatnya adalah benar dan beliau akhirnya wafat pada hari Selasa selepas Asar 4 Sya'ban 1177 H. Ini adalah karamahnya yang telah dizahirkan oleh Allah S.W.T.

Jenazahnya dikebumikan di Baqi' berdekatan dengan makam nenda-nendanya di kalangan Ahli Bait Rasulillah s.a.w dan di sisi kaki-kaki nenda-nendanya yang merupakan puteri-puteri Rasulullah s.a.w. Tiga belas malam selepas kewafatannya, Allah S.W.T memperlihatkan beliau di dalam mimpi seseorang yang bertanya kepadanya dalam mimpi tersebut: **“Di manakah kamu berada sekarang ini?”**

Maka jawabnya:

فِي جَنَّةِ الْفِرْدَوْسِ يُعَلُّوْ مَنْزِلِي

*“Di dalam syurga Firdaus ditinggikan kedudukanku.”*



---

## AMALAN BARZANJI

---



Kita melihat, rata-rata dunia Islam mengisi majlis Maulid Nabi s.a.w dengan bacaan ayat-ayat al Quran, hadis-hadis Nabi s.a.w yang berkaitan dengan sirah, perjuangan dan akhlak Rasulullah s.a.w, bacaan salawat, peringatan dan nasihat.

Ulama' telah bersepakat memandang baik amalan menyambut Maulid Nabi s.a.w. Imam Mujtahid Abu Syamah al Maqdisi r.a. menyatakan di dalam kitabnya **al Bai'th 'ala Inkar al Bida' wa al Hawadith:**

Di antara perkara baik yang dilakukan pada zaman kami ini ialah perkara-perkara yang diadakan bersempena dengan hari Maulid seperti bersedekah, melakukan perkara-perkara yang baik dan melahirkan perasaan gembira. Di dalam mengadakan majlis seumpama ini, di samping melakukan kebaikan kepada faqir miskin, ia melahirkan kecintaan terhadap Baginda s.a.w.

Tidak terdapat golongan yang menentang sambutan Maulid Nabi s.a.w pada zaman Malik Mu'azzam Muzaffar atau Abu Syamah al Maqdisi yang wafat pada tahun 665 Hijrah.

Pandangan baik ulama' terhadap amalan maulid ini, merupakan **Ijma' Sukuti**<sup>6</sup> ke atas pensyariatannya.

Menurut kaedah Syara', amalan seperti ini dikategorikan sebagai amalan yang dituntut oleh syara' kerana bersesuaian dengan hadis mauquf yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Mas'ud r.a:

مَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ، وَمَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ قَبِيحًا  
فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ قَبِيحٌ

*“Apa yang dipandang baik oleh kaum Muslimin, maka ia adalah baik di sisi Allah S.W.T dan apa yang dipandang buruk oleh kaum Muslimin, maka ia adalah buruk di sisi Allah S.W.T”<sup>7</sup>*

Amalan Barzanji yang selama ini dilakukan oleh umat Islam adalah salah satu agenda dalam sambutan Maulid Nabi s.a.w yang diadakan di negara ini. Sebutannya sahaja yang berlainan, tetapi pengisian dan tujuannya sama sahaja.

Kita dapati, tujuan mengadakan Maulid Nabi s.a.w, tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membesarkan syiar Islam. Allah S.W.T berfirman:

<sup>6</sup> **Ijma' Sukuti** ialah sekumpulan ulama' mujtahid mengeluarkan pendapatnya mengenai sesuatu masalah dan sampai pendapatnya ini kepada sebahagian ulama' lain yang sezaman dengannya, dan mereka pula mendiamkan diri tidak melahirkan persetujuannya dan tidak pula membantah secara terang setelah berlalu masa yang cukup untuk mereka mengkaji hukum tersebut dengan masa yang bebas.

<sup>7</sup> Hadith ini dikeluarkan oleh Imam Ahmad, disohihkan oleh al Hakim di dalam al **Mustadrak** (3/78) dan diakui oleh al Zahabi. **Bulugh al Ma'mul fi al Ihtifa' wa al Ihtifal bi Maulid al Rasul** karangan Dr. Isa ibn Abdullah al Himyari H:79-80.

وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٥١﴾

*“Dan sesiapa yang memuliakan syiar (tanda-tanda) Tuhan, sesungguhnya dia adalah suatu manifestasi dari hati yang bertaqwa kepada Allah S.W.T.”<sup>8</sup>*

Rasulullah s.a.w merupakan syiar atau tanda kebesaran Allah S.W.T kerana dengan kemunculan Rasulullah s.a.w, dunia mengetahui tentang keesaan Allah. Memuliakan syiar-syiar Allah, membuktikan ketaqwaan hati seseorang. Orang yang hatinya tidak mempunyai ketaqwaan kepada Allah tidak akan mempunyai keinginan untuk memuliakan dan meraikan Maulid Nabi s.a.w.

Mengadakan maulid banyak menatijahkan kesan positif terhadap kemantapan jiwa dan pemikiran umat Islam. Allah S.W.T telah berfirman di dalam surah Hud ayat 120:

وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ

*“Dan tiap-tiap berita dari berita para Rasul itu Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) untuk menguatkan hatimu dengannya.”<sup>9</sup>*

Sepertimana kitab-kitab maulid yang lain, kitab Maulid Barzanji juga diisi dengan perkara-perkara tersebut. Oleh kerana itu, amalan membaca kitab Maulid Barzanji dalam majlis Maulid Nabi s.a.w merupakan amalan yang diterima baik dan sering dilakukan oleh umat Islam di seluruh pelusuk dunia Islam semenjak dahulu.

<sup>8</sup> Al Hajj: 32.

<sup>9</sup> Hud: 120.

Membaca tentang sirah Rasulullah s.a.w yang terdapat di dalamnya, banyak memberikan unsur-unsur pengajaran yang boleh diteladani oleh umat Islam pada hari ini. Bahkan, sebagai salah satu metode dakwah bagi melahirkan kecintaan umat Islam kepada Allah S.W.T dan Rasulullah s.a.w. Ini secara tidak langsung, menjana penghayatan dan kecintaan umat Islam terhadap Sunnah Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

*“Tidak beriman seseorang kamu, sehinggalah aku lebih dikasihi daripada bapanya, anaknya dan sekalian manusia.”*

Sahabat Nabi s.a.w saling mengingatkan di antara mereka tentang sirah para Nabi a.s. Rasulullah s.a.w sendiri menunjukkan kepada sahabat-sahabatnya agar mengingatkan sirah Baginda s.a.w kerana Baginda s.a.w merupakan manusia yang paling sempurna dan afdhal.

Membaca Maulid Barzanji tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mengamalkan apa yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w supaya memperingati tentang sirah Baginda s.a.w.

Telah dikeluarkan oleh al Tirmizi di dalam **Jami'**nya, lihat **Tuhfah al Ahwazi** (10/60), al Darimi (1/26) dan al Qadhi 'Iyadh di dalam **al Syifa** (1/135): Daripada Ibnu Abbas ؓ berkata:

جَلَسَ نَاسٌ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْظُرُونَهُ،  
قَالَ: فَخَرَجَ حَتَّىٰ إِذَا دَنَا مِنْهُمْ سَمِعَهُمْ يَتَذَكَّرُونَ فَسَمِعَ حَدِيثَهُمْ، فَقَالَ

بَعْضُهُمْ: عَجَبًا إِنَّ اللَّهَ اتَّخَذَ مِنْ خَلْقِهِ خَلِيلًا اتَّخَذَ مِنْ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا. وَقَالَ آخَرُ: مَاذَا بَاعُجِبَ مِنْ كَلَامِ مُوسَى كَلِمَةً تَكَلِيمًا. وَقَالَ آخَرُ: فَعِيسَى كَلِمَةُ اللَّهِ وَرُوحُهُ. وَقَالَ آخَرُ: آدَمُ اصْطَفَاهُ اللَّهُ. فَخَرَجَ عَلَيْهِمْ فَسَلَّمَ وَقَالَ: قَدْ سَمِعْتُ كَلَامَكُمْ وَعَجَبْتُكُمْ: إِنَّ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلُ اللَّهِ وَهُوَ كَذَلِكَ، وَمُوسَى نَجِيُّ اللَّهِ وَهُوَ كَذَلِكَ، وَعِيسَى رُوحُهُ وَكَلِمَتُهُ وَهُوَ كَذَلِكَ، وَآدَمُ اصْطَفَاهُ اللَّهُ وَهُوَ كَذَلِكَ، أَلَا وَأَنَا حَيْبُ اللَّهِ وَلَا فَخْرَ، وَأَنَا حَامِلُ لَوَاءِ الْحَمْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا فَخْرَ، وَأَنَا أَوَّلُ شَافِعٍ وَأَوَّلُ مُشْفَعٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا فَخْرَ، وَأَنَا أَوَّلُ مَنْ يُحْرَكُ حَلَقَ الْجَنَّةِ فَيَفْتَحُ اللَّهُ لِي فَيَدْخُلُنِيهَا وَمَعِيَ فُقَرَاءُ الْمُؤْمِنِينَ وَلَا فَخْرَ، وَأَنَا أَكْرَمُ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَلَا فَخْرَ.

*“Telah duduk sahabat-sahabat Nabi s.a.w menunggu Baginda s.a.w. Baginda s.a.w pun keluar, apabila hampir dengan mereka, maka Baginda s.a.w mendengar mereka saling ingat-mengingati. Sebahagian daripada mereka berkata dalam keadaan ta’jub, “Sesungguhnya Allah S.W.T telah menjadikan daripada kalangan makhlukNya seorang Khalil (kekasih) maka Allah S.W.T telah mengambil Nabi Ibrahim a.s. sebagai KhalilNya.” Yang lain pula berkata, “(Allah S.W.T telah menjadikan Nabi Ibrahim a.s. sebagai*

*KhalilNya) tidaklah lebih menakjubkan daripada Allah S.W.T telah berkata-kata dengan Nabi Musa a.s.” Yang lain pula berkata, “Isa a.s. adalah kalimah Allah S.W.T<sup>10</sup> dan RohNya.”<sup>11</sup> Yang lain berkata, “Nabi Adam a.s. adalah pilihan Allah S.W.T” Maka Rasulullah s.a.w keluar lalu mengucapkan salam kepada mereka dan bersabda, “Aku telah mendengar perbincaraan kalian dan kekaguman kalian. Sesungguhnya Ibrahim a.s. adalah Khalil Allah S.W.T dan perkara ini adalah benar, Nabi Musa a.s. adalah Kalimullah (berkata-kata dengan Allah S.W.T ﷺ) dan perkara ini adalah benar, Nabi Isa a.s. merupakan roh dan KalimahNya adalah benar, Nabi Adam a.s. adalah pilihanNya dan perkara ini adalah benar. Ingatlah, manakala aku adalah kekasih Allah S.W.T dan tidaklah aku berbangga dengannya (tetapi hanya menceritakan nikmat Allah S.W.T). Aku juga adalah pembawa panji-panji yang dinamakan dengan Liwa’ al Hamdi pada hari Kiamat, tidaklah aku bermegah-megah dengannya, dan aku adalah orang yang pertama menggerakkan rantai syurga, maka Allah S.W.T membukanya untukku, lalu mempersilakan aku masuk ke dalamnya. Bersamaku orang-orang faqir Mukmin dan tidaklah aku berbangga dengannya. Aku adalah dari kalangan orang terawal dan terakhir yang paling dimuliakan oleh Allah S.W.T dan tidaklah aku berbangga dengannya.”<sup>12</sup>*

Begitu juga dengan kata-kata pujian dan salawat ke atas Baginda s.a.w yang sering dibaca di dalam kitab Barzanji, sememangnya telah menjadi hak Rasulullah s.a.w. Malah, salawat dan salam merupakan antara amalan terpenting yang amat

<sup>10</sup> Kalimah Allah di sini tidak boleh diertikan secara zahir, tetapi maksud yang sebenarnya ialah Nabi Isa a.s merupakan kesan dari perintah Allah dari kalamNya **Kun** (jadilah). Maka jadilah Nabi Isa a.s di dalam perut ibunya Maryam tanpa ayah.

<sup>11</sup> Roh Allah, disandarkan kepada Allah kerana kemuliaan Nabi Isa a.s. dan bukannya Nabi Isa a.s. itu betul-betul roh Allah.

<sup>12</sup> Hadith ini adalah hadith yang kuat dan mempunyai pendukung-pendukungnya yang diriwayatkan oleh Imam al Baihaqi ﷺ di dalam **Dalail al Nubuwwah** (5/270-500).

dikehendaki oleh Allah S.W.T ke atas seseorang Mukmin sebagaimana firmanNya di dalam surah al Ahzaab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

“Sesungguhnya Allah S.W.T dan malaikatNya bersalawat (melimpahkan rahmat dan keampunan) ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kalian bersalawat (mendoakan rahmat) baginya dan mengucapkan salam penghormatan kepadanya.”

- Membaca Maulid Barzanji melahirkan perasaan gembira terhadap Rasulullah s.a.w terutamanya dalam menyebut tentang kelahirannya sebagai pembawa rahmat kepada sekalian alam. Ini sejajar dengan galakan yang disebut di dalam al Quran:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا  
تَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

“Katakanlah dengan kurniaan Allah S.W.T dan rahmatNya, maka dengan itu mereka bergembira, itulah yang terlebih baik dari apa yang mereka himpunkan.”<sup>13</sup>

Allah S.W.T telah memerintahkan orang Mukmin agar bergembira dengan kurniaan dan rahmatNya. Perasaan gembira

<sup>13</sup> Yunus: 58

yang diperintahkan oleh Allah S.W.T untuk dizahirkan itu tidak lain hanyalah sebagai satu tanda bagi melahirkan kesyukuran kepadaNya.

Sayyiduna Abdullah ibn Abbas r.a. berkata:

“**Fadhilullah**” (kurniaan Allah S.W.T) itu bermaksud ilmu, manakala “**rahmatNya**” bermaksud Nabi Muhammad s.a.w”

- Allah S.W.T berfirman dalam surah al A'raf ayat 157:

فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ  
الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

“Maka orang-orang yang beriman dengannya, memuliakannya dan menolongnya serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

Dalam ayat ini dinyatakan dengan jelas, bahawa orang-orang yang memuliakan Nabi Muhammad s.a.w merupakan orang-orang yang beruntung. Membaca Maulid Barzanji dengan menyebut-nyebut tentang kemuliaan dan ketinggian keperibadian Baginda s.a.w termasuk di dalam rangka memuliakan Rasulullah s.a.w dan diberikan ganjaran pahala oleh Allah S.W.T.



## KERAGUAN YANG DICETUSKAN TENTANG KITAB MAULID BARZANJI



### NUR MUHAMMAD S.A.W

Di antara perkara yang ditimbulkan mengenai kitab ini ialah Nur Muhammad s.a.w Anti Barzanji menyatakan bahawa kepercayaan batil dan mungkar di dalam kitab Maulid Barzanji ialah kepercayaan Nur Muhammad, atau yang dikenali juga dengan nama Hakikat Muhammadiyah. Prosa yang disebut dalam kitab tersebut

وَأُصَلِّيْهِ وَأُسَلِّمُ عَلَى النَّوْرِ الْمُصَوِّفِ بِالتَّقَدُّمِ وَالْأَوْلِيَّةِ

*“Dan saya mengucapkan salawat dan salam ke atas Cahaya (Nabi Muhammad s.a.w) yang disifatkan dengan terdahulu dan terawal (lebih dahulu dijadikan sebelum kejadian sekalian makhluk).”*

Sebelum dibahaskan dengan lebih panjang, kita seharusnya terlebih dahulu mengetahui dan memahami bahawa persoalan Nur Muhammad s.a.w bukanlah permasalahan yang beredar di sekitar

perbincangan ilmu Tauhid. Oleh kerana itu, ia tiada kaitan langsung dengan hukum syirik bagi orang yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w adalah nur.

Tidak sedikit ulama' yang mengambil inisiatif memberikan penjelasan tentang permasalahan ini. Namun, memadailah di sini saya mengemukakan penerangannya yang saya petik dari kitab **al Bayan** karangan guru kami, Dr. Ali Jum'ah Mufti Mesir sekarang ini yang mengandungi 100 fatwa yang dikeluarkan oleh beliau.

**Soalan:**

Adakah Nabi s.a.w merupakan nur atau manusia biasa seperti kita sepertimana yang dikhabarkan oleh al Qur'an?

**Jawapan:**

Nabi s.a.w merupakan nur, adalah sohih. Firman Allah S.W.T:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا  
 مِمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُو عَنْ كَثِيرٍ  
 قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ ﴿٥٠﴾

*“Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad s.a.w) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab Suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu Nur*

*(Nabi Muhammad s.a.w) daripada Allah S.W.T, dan sebuah Kitab (al Quran) yang jelas nyata keterangannya.*<sup>14</sup>

Allah S.W.T juga berfirman:

وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ ۖ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

*“Dan (Muhammad s.a.w) juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah S.W.T dengan taufiq yang diberinya; dan sebagai lampu yang menerangi.”*<sup>15</sup>

Baginda s.a.w adalah nur dan penerang. Tidak mengapa jika kamu mengatakan bahawa Sayyiduna Muhammad s.a.w adalah nur selama Allah S.W.T telah menyifatkan Baginda s.a.w sedemikian dan menamakannya sebagai Nur. Bahkan, telah thabit di dalam Sunnah bahawa sahabat r.a. menyatakan sesungguhnya wajah Baginda s.a.w seumpama bulan purnama. Baginda s.a.w juga telah mengkhabarkan bahawa ketika mengandungkannya, bondanya melihat cahaya yang memancar sehingga menerangi istana-istana Busra di negara Syam. Para sahabat r.a mengkhabarkan, bahawa Nabi s.a.w tatkala masuk ke Madinah, semua benda menjadi bercahaya. Tatkala Baginda s.a.w wafat, semua benda menjadi gelap.

Begitu juga athar-athar dan hadis-hadis lain yang menerangkan bahawa Baginda s.a.w adalah nur. Tidak sewajarnya kita menafikan bahawa nur tersebut adalah nur yang bersifat **hissi** (yang boleh dirasai oleh salah satu pancaindera) kerana tidak ada di sana apa-apa yang menghalang untuk kita menyatakan bahawa sifat Baginda s.a.w itu menerangi atau memiliki nur yang **hissi** sebagaimana ia juga tidak bertentangan dengan tabiat manusia yang telah dikhabarkan oleh al Qur'an.

<sup>14</sup> Al Maaidah: 15.

<sup>15</sup> Al Ahzaab: 46.

Sesungguhnya yang dilarang ialah menafikan sifat kemanusiaan bagi diri Baginda s.a.w kerana ini bersalahan dengan apa yang telah disohihkan oleh al Qur'an. Allah S.W.T berfirman:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaKu."<sup>16</sup>*

Yang paling selamat ialah dengan menetapkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T bagi NabiNya s.a.w Allah S.W.T telah menetapkan bahawa Baginda s.a.w adalah nur yang menerangi dan sentiasa berada dalam keadaan sedemikian dan Baginda s.a.w juga adalah manusia seperti kita tanpa perlu sebarang **tafsil** (perincian) dan **tanzir** (pengkajian).

Menetapkan diri Baginda s.a.w mempunyai nur yang **hissi** juga tidak bertentangan dengan hakikat diri Baginda s.a.w yang merupakan manusia. Bulan tabiat semulajadinya terdiri daripada batu-batu pejal, dan dalam masa yang sama ia adalah cahaya dan mempunyai cahaya **hissi**. Nabi s.a.w lebih mulia daripada bulan dan lebih mulia daripada seluruh makhluk ciptaan Allah S.W.T. Kami memohon kepada Allah S.W.T agar menunjukkan kami jalan yang lurus. Ini adalah penerangan mengenai permasalahan nur yang dinisbahkan kepada Nabi s.a.w. Kami akhiri dengan doa kami, segala puji bagi Allah S.W.T Tuhan sekalian. Allah S.W.T jua yang paling mulia dan mengetahui."<sup>17</sup>

Manakala di dalam kitab **Mukhtasar fi Sirah al Nabawiyah** karangan Imam al Daiba'ei r.a., guru kami Prof. Dr. Sayyid Muhammad ibn 'Alawi al Maliki r.a. memberikan komentar

<sup>16</sup> Fussilat: 6.

<sup>17</sup> Dr. Ali Jum'ah, Mufti Mesir, **al Bayan** H: 149-150.

tentang Nur Muhammad s.a.w dengan mendatangkan hadis Jabir r.a. yang masyhur. Jabir r.a. bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، يَا أَبِي أَنْتَ وَأُمِّي، أَخَيْرُنِي عَنْ أَوَّلِ شَيْءٍ خَلَقَهُ اللَّهُ قَبْلَ  
الْأَشْيَاءِ. قَالَ: يَا جَابِرُ إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى خَلَقَ قَبْلَ الْأَشْيَاءِ نُورَ نَبِيِّكَ مِنْ  
نُورِهِ

*“Wahai Rasulullah! Demi ibu dan ayahku, beritahulah kepadaku tentang perkara yang pertama dicipta oleh Allah S.W.T sebelum segala sesuatu.” Rasulullah s.a.w bersabda, “Wahai Jabir! Sesungguhnya Allah S.W.T mencipta sebelum segala-galanya nur nabiMu daripada nur (ciptaan)Nya.”*

Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq al Son’ani r.a dengan sanadnya daripada Jabir r.a (demikian disebutkan di dalam **al Mawahib al Laduniyyah**).

Sayyid Muhammad ibn Alawi al Maliki r.a. berkata: Hadis ini diperselisihkan oleh ulama’ tentang darjatnya. Ada yang menerimanya dan ada yang menolaknya<sup>18</sup>.

Al Zurqani berkata: Hadis ini juga diriwayatkan oleh al Baihaqi dengan beberapa perbezaan. Namun hadis ini tidak bercanggah dengan hadis al Tirmizi:

<sup>18</sup> Di antara yang menghukumnya maudhu’ ialah Syeikh Masyaikh kami, al Hafiz Sayyid Abdullah al Ghumari ؒ di dalam kitabnya **Mursyid al Hair li Bayan Wadh’ Hadith Jabir**.

أَوَّلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْقَلَمَ

*“Yang pertama Allah S.W.T ciptakan ialah Qalam.”*

Ini kerana hadis ini boleh disatukan apabila yang pertama diciptakan ialah Qalam dengan dinisbahkan kepada selain Nur Muhammad. Ada pendapat menyatakan, ‘yang pertama dari segala benda’ dengan dinisbahkan kepada jenisnya. Maka maksudnya “yang pertama diciptakan oleh Allah S.W.T dari jenis cahaya-cahayaNya ialah cahayaku.”

Di antara hadis yang menthabitkan Nur Muhammad ini ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ali ibn al Husain daripadanya ayahandanya daripada nendanya, bahawa Nabi s.a.w bersabda:

كُنْتُ نُورًا بَيْنَ يَدَيْ رَبِّي

*“Aku adalah cahaya di hadapan Tuhanku.”*

Hadis ini disebut oleh al Hafiz Abu al Hasan Ali ibn Muhammad al Qattan di dalam **Ahkamnya**. Beliau merupakan di antara pengkritik hadis yang masyhur dan di antara ulama’ yang tegas dan memberikan perhatian yang serius terhadap periwatan dan penjagaan sesuatu hadis.

Selain itu, Dr. Sayyid Muhammad ibn Alawi al Maliki juga mengemukakan ayat di atas dan menyatakan kebanyakan ulama’ menyatakan bahawa maksud nur dalam ayat ialah Muhammad s.a.w sebagaimana yang disebut di dalam Tafsir al Tabari, Ibnu Hatim dan al Qurtubi. Qatadah juga berpendapat sedemikian.

Di antara dalilnya juga ialah hadis yang banyak menyebut tatkala Baginda s.a.w dilahirkan, bondanya melihat cahaya dan

---

keluar bersamanya cahaya yang menerangi istana-istana Syam. Ibnu Hajar berkata sedemikian dan mensohihkan hadis ini. Begitu juga Ibnu Hibban dan al Hakim.

Begitu juga di dalam hadis al Tobarī, lafaznya:

وَرَأَيْنَا كَأَنَّ النُّورَ يَخْرُجُ مِنْ فِيهِ

*“Kami melihat seolah-olah cahaya keluar dari mulut Baginda s.a.w  
.”*

## TUDUHAN YANG MENGATAKAN TERDAPAT UNSUR INKARNASI DALAM AYAT BARZANJI

Mereka menyatakan bahawa kepercayaan nur Muhammad dalam kitab Barzanji ada kesamaannya dengan kepercayaan agama Majusi yang disebut 'Kitaran Hayat' kerana konsep perpindahan ruh tidak terdapat di dalam agama Islam tetapi dikenal pasti ia sebagai kepercayaan terutamanya di dalam agama Hindu.<sup>19</sup>

Prosa yang disebut di dalam **Maulid Barzanji** berkaitan perkara ini ialah:

وَأَصْلِي وَأَسْلَمُ عَلَى النُّورِ الْمُوصُوفِ بِالتَّقْدِيمِ وَالْأَوْلِيَّةِ،

الْمُنْمَقِلِ الْعُرْرِ الْكَرِيمَةِ وَالْجِبَاهِ

<sup>19</sup> Lihat buku **Kebatilan dan Kemungkarannya Berzanji dan Kepercayaan Maulid Nabi** karangan Ustaz Rasul bin Dahri H: 47-50. Terbitan Perniagaan Jahabersa. Cetakan pertama 2001.



*“Dan saya mengucapkan salawat dan salam ke atas al Nur (Nabi Muhammad s.a.w) yang disifatkan dengan terdahulu dan terawal (lebih dahulu dijadikan sebelum kejadian sekalian makhluk). laitu nur yang berpindah-pindah dari satu dahi kepada satu dahi yang mulia keadaannya, iaitu moyang-moyang Nabi yang mulia sehingga dahi Abdullah ayahandanya.”*

Sebelum persoalan ini diterangkan dengan lebih panjang, kita perlu memperbetulkan kesilapan Anti Barzanji yang memahami maksud ‘nur yang berpindah’ di sini dengan makna Ruh, lalu mengaitkannya dengan Kitaran Hayat dalam kepercayaan Majusi dan perpindahan ruh agama Hindu.

‘Nur yang berpindah’ yang dimaksudkan di sini ialah benih Nabi s.a.w yang berpindah dari orang-orang yang mulia iaitu dari sulbi seorang nabi kepada sulbi seorang nabi yang tergolong dari kalangan para **sajidin** (orang-orang yang sujud dan beriman kepada Allah S.W.T).

Allah S.W.T berfirman:

وَتَقَلَّبَكَ فِي السَّجِدِينَ ﴿٢١٩﴾

*“Dan (melihat) gerak-gerimu di antara orang-orang yang sujud.”<sup>20</sup>*

Dikeluarkan oleh Ibnu Sa’ad di dalam **al Tabaqat al Kubra**, dikeluarkan juga oleh al Bazzar, al Tabrani dan Abu Nu’aim di dalam **Dalail al Nubuwwah**, daripada Ibnu Abbas ؓ berkata mengenai maksud firman Allah S.W.T di atas:

مَنْ نَبِيٍّ إِلَى نَبِيٍّ، وَمَنْ نَبِيٍّ إِلَى نَبِيٍّ حَتَّى أُخْرِجَكَ نَبِيًّا

<sup>20</sup> Al Syu’ara’: 219.

*“Daripada seorang nabi kepada seorang nabi yang lain, kemudian kepada seorang nabi sehinggalah Aku keluarkan engkau sebagai seorang nabi.”<sup>21</sup>*

Ibnu Abbas r.a. mentafsirkan ayat di atas dengan makna:

مَا زَالَ النَّبِيُّ يُقَلَّبُ فِي أَصْلَابِ الْأَنْبِيَاءِ حَتَّىٰ وَكَلَتْهُ أُمُّهُ

*“Sentiasalah Nabi s.a.w berpindah di dalam sulbi-sulbi para nabi sehingga bondanya melahirkannya.”<sup>22</sup>*

Dalil ini juga telah dipakai oleh Imam Baijuri r.a. di dalam **Hasyiah Jauharah al Tauhid**, pada menyatakan keimanan ayahanda dan bonda serta seluruh nenek moyang Rasulullah s.a.w.

Ternyata, Anti Barzanji telah melakukan kesilapan yang besar dengan menghukum kafir ayahanda dan bonda Nabi s.a.w. Sedangkan, banyak lagi dalil yang lain menunjukkan bahawa ayahanda dan bonda serta seluruh nenek moyang Rasulullah s.a.w tidak kafir atau termasuk dari kalangan penyembah berhala. Di antara dalil yang paling mudah ialah kita tidak dapat menafikan bahawa ayahanda dan bonda Rasulullah s.a.w tergolong di kalangan ahli fatrah yang bebas dari azab siksaan Allah S.W.T. Allah S.W.T berfirman:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا

<sup>21</sup> Muhammad ibn Sa'ad, **al Tabaqat al Kubra**, Jld 1, H: 11.

<sup>22</sup> Al Hafiz Abu Nu'aim al Asbahani, **Dalail al Nubuwwah**, Jld 1, H: 58 dan al Hafiz al Suyuti, **al Ta'zim wa al Minnah fi Anna Abaway Rasulillah fi al Jannah**, H: 53-54.

*“Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapaupun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).”<sup>23</sup>*

Dalil ini merupakan hujjah yang dipakai oleh kebanyakan ulama' dalam membahaskan tentang keimanan ayahanda dan bonda Rasulullah s.a.w. Ini bermaksud, bahawa golongan yang tidak sempat hidup pada zaman perutusan seseorang Rasul merupakan Ahli Fatah yang terselamat daripada sebarang siksaan Allah S.W.T di akhirat kelak. Kenapa perkara seperti ini pun terlalu sukar untuk difahami oleh Anti Barzanji???

Dalam membicarakan tentang generasi yang hidup sebelum perutusan Rasulullah s.a.w, perlulah difahami bahawa tidak semua manusia yang hidup pada zaman tersebut adalah kaum yang mensyirikkan Allah S.W.T. Bahkan, sentiasa ada dari kalangan mereka yang berpegang dan beramal dengan ajaran Nabi Ibrahim a.s. seperti Waraqah ibn Naufal, Qus ibn Sa'adah, 'Amru ibn Nufail serta sekalian nenek-moyang Rasulullah s.a.w.

Berkata Hisyam ibn Muhammad al Kulabi:

كَبْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسَمِائَةَ أُمَّ فَمَا وَجَدْتُ فِيهِنَّ سِفَاحًا  
وَلَا شَيْءٌ مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ .

*“Aku telah menulis (salasilah) lima ratus ibu bagi Nabi s.a.w, dan aku tidak mendapati dari kalangan mereka yang berzina serta*

<sup>23</sup> Al Israa': 15.

tiada daripada mereka ini terlibat dengan amalan-amalan kaum Jahiliyyah walau sedikit.<sup>24</sup>

Di dalam sebuah athar, Rasulullah s.a.w bersabda:

مَا زَالَ مِنْ ذُرِّيَّةِ إِبْرَاهِيمَ نَاسٌ عَلَى الْفِطْرَةِ يَعْبُدُونَ اللَّهَ

“Sentiasalah ada dari kalangan zuriat Nabi Ibrahim a.s., satu golongan manusia yang tetap di atas fitrah (beriman) menyembah Allah S.W.T.<sup>25</sup>

Hadis di atas menunjukkan bahawa, ayahanda dan nenek-moyang Rasulullah s.a.w yang sampai rantaiannya sehingga kepada Nabi Ibrahim a.s. menyembah Allah S.W.T dan terpelihara daripada perbuatan syirik.

Memadailah dalil-dalil di atas sebagai menunjukkan bahawa nenek moyang Rasulullah s.a.w termasuk kedua ibu bapanya adalah golongan yang beriman dengan Allah S.W.T.<sup>26</sup>

<sup>24</sup> Ja'far al Barzanji, **al Kaukib al Anwar 'ala Iqd al Jauhar fi Maulid al Nabi al Azhar**, H: 110 dan al Hafiz al Suyuti, **Khasais al Nabawiyyah al Kubra**, Jld1, H: 97.

<sup>25</sup> Al Hafiz al Suyuti, **Al Ta'zim wa al Minnah fi Anna Abawayy Rasulillah fi al Jannah** H: 55.

<sup>26</sup> Sesiapa yang mahu penjelasan secara terperinci bolehlah merujuk buku karangan murid kami Ustaz Mujahid bin Abdul Wahhab yang bertajuk **Kelslaman Ayahanda dan Bonda Rasulullah s.a.w..**

---

### MENAFIKAN NABI MUHAMMAD S.A.W YANG TERAWAL



Sekali lagi Anti Barzanji menyerlahkan kekurangannya apabila menafikan sifat terdahulu dan terawal bagi Nabi s.a.w. Di dalam kitab **al Mawahib al Laduniyyah** karangan Imam Ibnu Hajar al QAstallani di bawah tajuk: Kemuliaan dan Kelebihan Rasulullah s.a.w iaitu, **Nabi s.a.w adalah insan yang terawal dan pertama mengambil perjanjian dan Berkata, “Ya!”**

“Banyak keistimewaan yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah s.a.w semasa berada di muka bumi ini. Antara lain, Allah S.W.T telah menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai orang yang pertama ditabalkan menjadi nabi semasa Nabi Adam ﷺ masih berada di dalam proses kejadian antara air dan tanah. Rasulullah s.a.w juga mendahului makhluk yang lain menerima perjanjian daripada Allah S.W.T. Keistimewaan ini dijelaskan melalui hadis-hadis Nabi S dan ayat-ayat Allah S.W.T:

Daripada Sahl ibn Soleh al Hamdani berkata: Aku bertanya kepada Abu Ja’far Muhammad ibn Ali r.a., “Bagaimanakah Nabi Muhammad s.a.w mendahului para nabi yang lain, sedangkan

Rasulullah s.a.w adalah nabi yang terakhir dibangkitkan?" Maka beliau menjawab:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَمَّا أَخَذَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى  
 أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ؟ كَانَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوَّلَ مَنْ قَالَ:  
 بَلَى، وَكَذَلِكَ صَارَ يَتَقَدَّمُ الْأَنْبِيَاءَ وَهُوَ آخِرُ مَنْ بُعِثَ.

*“Sesungguhnya ketika Allah S.W.T mengambil perjanjian dari Bani Adam semasa di alam arwah daripada zuriat-zuriat mereka dan ketika mereka memberikan penyaksian ke atas diri-diri mereka semasa ditanya, “Adakah Aku Tuhan kamu?” Nabi Muhammad s.a.w adalah orang yang pertama menjawab, “Bahkan!” Oleh yang demikian, jadilah Baginda s.a.w sebagai nabi yang terawal tetapi yang terakhir dibangkitkan.”*

Daripada Maisarah al Fajr berkata: Aku berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ مَتَى كُنْتَ نَبِيًّا؟ قَالَ: وَأَدَمُ بَيْنَ الرُّوحِ وَالْجَسَدِ .

*“Wahai Rasulullah! Bilakah kamu menjadi Nabi?” Maka jawab Rasulullah s.a.w, “Ketika Adam masih berada di antara roh dan jasad.”<sup>27</sup>*

<sup>27</sup> Berkata al Muhaddith Syeikh Abdullah al Talidi ketika mentakhrijkan hadith ini: Hadith ini dikeluarkan oleh Imam Ahmad di dalam **Musnad**nya Jilid 5, H: 59, al Hakim di dalam **al Mustadrak** Jilid 2, H: 608, 609, al Bukhari di dalam **Tarikh al Kabir** Jilid 7 H: 274 sanadnya adalah sohih, al Haithami berkata di dalam **Majma' al Zawaid** hadith ini dikeluarkan oleh Ahmad dan al Tabrani dan berkata Rijalnya adalah Sohih. Hadith ini juga di sohihkan oleh al Hakim dan dipersetujui oleh al Zahabi.

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al Bukhari di dalam kitab **al Tarikh**, al Tabrani, dan Abu Nu'aim, al Hakim telah mensohikannya. Al Hafiz Ibnu Hajar al 'Asqalani berkata: **Sanad hadis ini adalah kuat**<sup>28</sup>.

<sup>28</sup> Terdapat sesetengah cendekiawan zaman ini menghukumkan hadith ini adalah **maudhu'** dan dikatakan menjadi pegangan pengikut ajaran sesat di Malaysia.

Tetapi pendapat yang sebenarnya adalah sebaliknya, kerana **Ibnu Hajar al 'Asqalani** sendiri selaku seorang yang mendapat jolokan **Amirul Mu'minin** di dalam bidang hadith telah menegaskan bahawa **sanad hadith ini adalah kuat**.

Saya sebagai penulis risalah ini berpegang dengan pendapat ini. Kepada pengkaji hadith, janganlah mudah menyesatkan orang lain yang berpegang dengan hadith ini, kerana takut-takut akan menyesatkan ulama' besar hadith yang lain. Berhati-hatilah daripada menyesatkan orang lain, kerana ditakuti kalimah sesat tersebut akan kembali kepada si penuduh jikalau yang dituduh tidak sesat. Kalau orang yang berpegang dengan hadith ini adalah sesat, maka saya senaraikan sebahagian daripada ulama' yang disesatkan oleh mereka kerana merekalah yang meriwayatkan hadith ini:

- 1) Imam al Bukhari
- 2) Imam al Tirmizi
- 3) Imam Ahmad ibn Hanbal
- 4) Imam al Hakim
- 5) Imam al Tabrani
- 6) Imam al Suyuti
- 7) Al Hafiz Ibnu Hajar al Asqalani
- 8) Al Imam Ibnu Hajar al Qustallani
- 9) Imam Tajuddin al Subki dan lain-lain.

Tidak dinafikan, ada juga hadith sebegini yang dihukum **maudhu'** oleh ulama' hadith, tetapi bukan hadith yang di atas. Di antaranya, ialah hadith:

كُنْتُ نَبِيًّا وَأَدَمُ بَيْنَ الْمَاءِ وَالطِّينِ

“Aku menjadi nabi ketika Adam di antara air dan tanah.”

كُنْتُ نَبِيًّا وَلَا أَدَمَ وَلَا مَاءَ وَلَا طِينَ

“Aku menjadi nabi ketika Adam, air dan tanah belum diciptakan.”

Sebahagian ulama' menyatakan maksud hadis ini ialah penetapan kenabian Nabi s.a.w pada **ilmu Allah S.W.T dan taqdirNya**. Maknanya, Baginda s.a.w ditaqdirkan oleh Allah S.W.T menjadi Nabi ketika Adam ﷺ berada di antara roh dan jasad.

Demikian juga hadis: **"Aku adalah Nabi yang pertama pada kejadian."** Maksud **kejadian** di dalam hadis ini ialah, **taqdir Allah S.W.T** bukannya **kejadian** sebagaimana zahirnya.

Al Hafiz Abdullah al Ghumari r.a. seorang Hafiz dan Muhaddith unggul pada kurun ini menyatakan di dalam kitabnya **al Ahaadith al Muntaqah fi Fadhail Sayyidina Rasulillah s.a.w.** H: 9-10:

Kedua-dua maksud hadis di atas adalah salah kerana beberapa faktor. Di antaranya (saya menyebutkan sebahagiannya sahaja):

1. Kenabian Rasulullah s.a.w telah pun thabit pada ilmu Allah S.W.T dan taqdirNya semenjak azali lagi. Maka mengkhususkan taqdir Baginda s.a.w dijadikan sebagai Nabi pada waktu kejadian Adam berada di antara roh dan jasad adalah sia-sia dan mewajibkan hadis ini disucikan daripada makna tersebut.

---

Lihat **al Tazkirah fi al Ahadith al Musyhtarah** H: 172, **al Maqasid al Hasanah** H: 522, **Kasyf al Khafa'** Jilid 2, H: 118, **Tanzih al syari'ah** Jilid 1, H: 341, **al Asrar al Marfu'ah** H: 178 dan **Asna al Matolib** H: 222.  
Adapun Hadith:

كُنْتُ أَوَّلَ النَّبِيِّينَ فِي الْخَلْقِ وَأَخْرَهُمْ فِي الْبُعْثِ

**"Aku adalah Nabi yang awal dicipta dan yang akhir dibangkitkan."** adalah dha'if seperti yang dinaqalkan oleh ulama' hadith, kerana di dalam sanad tersebut ada perawi yang bernama Baqiyah ibnu Walid yang **mudallas** dan Sa'id ibn Basyir yang merupakan seorang yang **dha'if**. Lihat **al Maqasid al Hasanah** H: 521, **Kasyf al Khafa'** Jilid 2, H: 169 dan **Asna al Matolib** H: 244.



---

2. Kenabian para Nabi AS, bahkan kewujudan mereka telah pun thabit pada Ilmu Allah S.W.T dan taqdirNya. Maka tidak ada suatu keistimewaan pun bagi Nabi Muhammad s.a.w daripada Nabi-nabi yang lain dalam perkara ini. Oleh itu, hadis ini didatangkan untuk menerangkan keistimewaan Baginda s.a.w. Maka sudah tentu dalam hadis ini, terkandung makna tambahan yang tidak disertai oleh Nabi yang lain. Sekiranya tidak, maka hadis ini menjadi sia-sia dan batil.

3. Sahabat-sahabat yang bertanya kepada Baginda s.a.w: Bilakah kamu menjadi nabi? Sememangnya telah mengetahui bahawa kenabian Baginda s.a.w telah pun thabit di dalam Ilmu Allah S.W.T dan taqdirNya, bahkan mereka juga mengetahui semua perkara telah thabit dalam Ilmu Allah S.W.T dan taqdirNya. Mereka sebenarnya mengajukan soalan untuk mengetahui kadar tambahan dari apa yang telah mereka ketahui.

Syeikh Abdullah al Talidi r.a. pula menyatakan, yang dimaksudkan oleh hadis ini ialah penghabaran tentang ketetapan nubuwwah Baginda s.a.w bagi rohnya yang suci dan wujud sebelum diciptakan roh-roh yang lain. Allah S.W.T melimpahkan ke atas roh Baginda s.a.w sifat nubuwwah ketika Adam masih belum ditiupkan roh dan terbaring di dalam syurga dalam bentuk tanah yang dikepal. Pendapat ini merupakan pentafsiran para muhaqqiq dan ini di antara keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah s.a.w daripada Nabi-nabi yang lain.<sup>29</sup>

Dikeluarkan oleh al Hakim, al Baihaqi dan Abu Nu'aim, daripada Abu Hurairah r.a, Nabi s.a.w ditanya:

---

<sup>29</sup> Lihat Syeikh Abdullah al Talidi **Tahzib al Khasais al Nabawiyah al Kubra** H: 27-28.

مَسَى وَجَبْتُ لَكَ النَّبُوَّةَ؟ قَالَ: بَيْنَ خَلْقِ آدَمَ وَتَفْخِ الرُّوحِ فِيهِ

*“Bilakah diwajibkan kenabian bagi kamu?” Jawab Rasulullah s.a.w, “Di antara masa dijadikan Adam a.s. dan ditiupkan roh ke dalam jasadnya.”*

Diriwayatkan oleh al Tirmizi dan al Hakim daripada Abu Hurairah r.a. berkata: Para Sahabat bertanya kepada Rasulullah:

مَسَى وَجَبْتُ لَكَ النَّبُوَّةَ؟ قَالَ: وَأَدَمُ بَيْنَ الرُّوحِ وَالْجَسَدِ

*“Bilakah diwajibkan kenabian bagi kamu?” Jawab Rasulullah s.a.w, “Ketika Nabi Adam a.s. (di dalam proses ciptaan) di antara roh dan jasad.”<sup>30</sup>*

Dikeluarkan oleh al Bazzar, al Tabrani di dalam **al Ausat**, Abu Nu’aim daripada jalan al Sya’bi, daripada Ibnu Abbas r.a. berkata: Dikatakan, “Wahai Rasulullah! Bilakah kamu menjadi Nabi?” Sabda Rasulullah s.a.w:

وَأَدَمُ بَيْنَ الرُّوحِ وَالْجَسَدِ

*“Ketika Adam a.s. berada di antara roh dan jasad.”*

<sup>30</sup> **Tuhfah al Ahwazi Bisyarh Jami’ al Tirmizi** Jilid 10 H: 56. Imam Tirmizi berkata hadith ini adalah hadith Hasan Sohih Gharib. Al Muhaddith Abdullah al Talidi berkata: Hadith ini juga di riwayatkan oleh al Hakim di dalam **al Mustadrak** Jilid 2, H: 609 dan lain-lain. Sanad hadith ini di sisi al Tirmizi adalah sohih mengikut syarat Muslim. Lihat Syeikh Abdullah al Talidi **Tahzib al Khasais al Nabawiyyah al Kubra** H: 27.

Dikeluarkan oleh Ibnu Sa'ad, daripada Ibnu Abi al Jad'a' berkata: Aku berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ مَتَى كُنْتَ نَبِيًّا؟ قَالَ: إِذْ آدَمُ بَيْنَ الرُّوحِ وَالْجَسَدِ

*“Wahai Rasulullah! Bilakah kamu menjadi Nabi?” Sabda Rasulullah s.a.w, “Ketika Adam berada di antara roh dan jasad.”*

Dikeluarkan oleh al Tabrani dan Abu Nu'aim, daripada Abi Maryam al Ghassani, bahawa seorang A'rabi bertanya Rasulullah s.a.w:

أَيُّ شَيْءٍ كَانَ أَوَّلُ بُرُوتِكَ؟ قَالَ: أَخَذَ اللَّهُ مِنِّي المِيثَاقَ كَمَا أَخَذَ مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ، وَدَعَاؤُهُ أَبِي إِبرَاهِيمَ، وَبُشْرَى عِيسَى، وَرَأَتْ أُمِّي فِي مَنَامِهَا أَنَّهُ خَرَجَ مِنْ بَيْنِ رِجْلَيْهَا سِرَاجٌ أَضَاءَتْ لَهُ قُصُورَ الشَّامِ.

*“Apakah tanda terawal kenabianmu?” Sabda Baginda s.a.w, “Allah S.W.T telah mengambil perjanjian daripadaku sebagaimana Allah S.W.T telah mengambil perjanjian daripada Nabi-nabi yang lain, doa ayahandaku Nabi Ibrahim a.s., berita gembira yang disampaikan oleh Nabi Isa a.s. (mengenai kelahiranku) dan bondaku telah melihat sesungguhnya telah keluar daripada antara kedua kakinya suatu cahaya yang menerangi istana-istana di Syam.”*

---

### UNSUR PELAMPAUAN DALAM MEMUJI NABI S.A.W

---

Pihak pembangkang juga mendakwa bahawa terdapat unsur-unsur **ghuluw** (pelampauan) dalam memuji Rasulullah s.a.w yang disebut di dalam kitab **Maulid Barzanji**. Dikatakan, pujian yang dilakukan hingga ke tahap menyamakan kedudukan Baginda s.a.w dengan kedudukan Allah S.W.T.

Hakikatnya, tiada unsur **ghuluw** yang disebut di dalam Maulid Barzanji sekiranya kita benar-benar memahami makna prosa dan nazam yang disebut di dalam kitab tersebut dan yang ada hanyalah unsur '**uluw** (meninggikan kedudukan Nabi s.a.w). Permasalahan ini timbul, disebabkan banyak perkara. Antaranya, pihak yang tidak berpuas hati menyalah ertikan maksud larangan Nabi s.a.w dalam memujinya dan tidak memahami dengan sebaik-baiknya maksud sebenar syair tersebut.

Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا تُطْرُونِي كَمَا أَطْرَتِ النَّصَارَى عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ

*“Janganlah kamu melampau-lampau memujiku sebagaimana kaum Nasrani melampau-lampau memuji Isa ibn Maryam.”*

Sebahagian orang memahami sabda Nabi s.a.w di atas dengan makna melarang daripada memuji Baginda s.a.w. Mereka mengira perbuatan memuji Nabi s.a.w termasuk dalam perbuatan yang melampau dan sikap berlebihan yang tercela dalam agama, yang boleh mengakibatkan syirik. Mereka juga beranggapan, bahawa sesiapa yang memuji Nabi Muhammad s.a.w, mengangkat kedudukan Baginda s.a.w melebihi daripada manusia yang lain, menyanjungnya dan menyifatkan Baginda s.a.w dengan apa saja yang membezakannya daripada manusia yang lain, bererti telah melakukan bid'ah dalam perkara agama dan menyanggahi Sunnah Penghulu segala Rasul s.a.w.

Ini adalah pemahaman yang salah dan buruk serta menunjukkan keketekan pandangan orang yang menilainya. Maksud sebenar hadis ialah Nabi Muhammad s.a.w melarang memujinya secara keterlaluan sepertimana yang dilakukan oleh kaum Nasrani terhadap Nabi Isa a.s. yang mengatakan bahawa Nabi Isa itu adalah anak Allah S.W.T.

Adapun, orang yang memuji Nabi s.a.w dan menyifatkannya dengan sifat-sifat yang tidak terkeluar daripada hakikat kemanusiaan, di samping meyakini bahawa Baginda s.a.w adalah hamba Allah S.W.T dan utusanNya, dan menjauhi keyakinan dan kepercayaan kaum Nasrani, maka sesungguhnya dia tidak disyaki lagi merupakan orang yang paling sempurna tauhidnya.

Imam al Busairi r.a. berkata:

دَعُ مَا ادَّعَاهُ النَّصَارَى فِي بَيْتِهِمْ \*\* وَاحْكُمُ بِمَا شِئْتُمْ مَدْحًا فِيهِ

فَإِنَّ فَضْلَ رَسُولِ اللَّهِ لَيْسَ لَهُ \*\* وَأَحْسَبُكُمْ حَدًّا فَيُعْرَبُ عَنْهُ نَاطِقٌ  
فَمُبْلَغُ الْعِلْمِ فِيهِ أَنَّهُ بَشَرٌ \*\* يَفْمِ وَأَنَّهُ خَيْرُ خَلْقِ اللَّهِ كُلِّهِمْ

*“Tinggalkan cara orang Nasrani (Kristian) menyanjung Nabi mereka (Nabi Isa a.s.). Ertinya: Jangan katakan Muhammad s.a.w itu mempunyai sifat-sifat ketuhanan). Selepas itu, terserahlah kepadamu untuk memuji Baginda s.a.w sesuka hati;*

*Kerana keagungan Rasulullah s.a.w itu tiada had baginya, lalu lidah dapat mengungkapkan segala keistimewaannya dengan bahasa yang indah;*

*Kemuncak pengetahuan mereka tentang dirinya mereka hanya mampu mengatakan bahawa Baginda s.a.w itu seorang manusia yang merupakan sebaik-baik makhluk Allah S.W.T keseluruhannya.”*

Bukankah Allah S.W.T juga telah memuji NabiNya, al Mustofa s.a.w melalui firmanNya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤١﴾

*“Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat mulia.”<sup>31</sup>*

Bahkan, Allah S.W.T juga memerintahkan supaya umat manusia sentiasa beradab dengan Baginda s.a.w; sama ada ketika berbicara mahupun menjawab panggilannya. Allah S.W.T berfirman:

<sup>31</sup> Al Qalam: 4

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suaramu melebihi suara Nabi.”<sup>32</sup>*

Allah S.W.T melarang kita berurusan dan bergaul dengan Nabi s.a.w sebagaimana kita berurusan dan bergaul sesama manusia yang lain, atau memanggil Baginda s.a.w sebagaimana cara kita memanggil sesama kita. Allah S.W.T berfirman:

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا

*“Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu.”<sup>33</sup>*

Allah S.W.T mencela orang-orang yang menyamakan Rasulullah s.a.w dengan makhluk yang lain dalam pergaulan dan tatatertib. Allah S.W.T berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْحُجُرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا

يَعْقِلُونَ

*“Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari luar bilik-bilik (tempat ahlimu, wahai Muhammad!), kebanyakan mereka tidak mengerti (adab dan tatatertib).”<sup>34</sup>*

<sup>32</sup> Al Hujuraat: 2

<sup>33</sup> Al Nur: 63

<sup>34</sup> Al Hujuraat: 4

Para sahabat yang mulia sering memuji Rasulullah s.a.w. Ini adalah syair Hassan ibn Thabit r.a. memuji dan menyeru Rasulullah s.a.w:

وَمَلَأَ مُنْجِعٍ وَجَارَ مُجَاوِرٍ	**	يَا رُكْنَ مُعَمِّدٍ وَعِصْمَةَ لَانِدِ
فَحَبَاهُ بِالْحُلُقِ الزَّكِيِّ الطَّاهِرِ	**	يَا مَنْ تَخَيَّرَهُ الْإِلَهُ لِحُلُقِهِ
يَا مَنْ يَجُودُ كَفَيْضِ بَحْرِ رَاخِرِ		أَنْتَ النَّبِيُّ وَخَيْرُ عُصْبَةِ آدَمِ
مَدَدٌ لِنَصْرِكَ مِنْ عَزِيْزٍ قَاهِرِ	**	مِيكَالُ مَعَكَ وَجِبْرِيْلُ كِلَاهِمَا

*“Wahai tiang tempat bersandar orang yang bersandar! Tempat berlindung orang yang berlindung kepadanya! Tempat meminta tolong orang yang kesusahan, dan penyelamat orang yang memohon penjagaan!*

*Wahai makhluk pilihan Allah bagi makhlukNya! Maka Allah S.W.T menganugerahkan kepadanya akhlak yang suci bersih;*

*Engkau adalah Nabi dan sebaik-baik keturunan Adam. Wahai nabi yang pemurah bagaikan limpahan lautan yang luas!*

*Mikail dan Jibril selalu menyertaimu. Kedua-duanya bersedia untuk menolongmu, sebagai bantuan daripada Tuhan Yang Maha Mulia lagi Maha Perkasa.”*

Ini pula Rasulullah s.a.w memuji dirinya sendiri. Baginda s.a.w bersabda:

أَنَا خَيْرُ أَصْحَابِ الْيَمِينِ



"Aku adalah sebaik-baik golongan kanan (yang beruntung mendapat nikmat syurga)."

أَنَا خَيْرُ السَّائِقِينَ

"Aku adalah sebaik-baik golongan yang lebih dahulu memasuki syurga."

أَنَا أَنْتَقَى وَوَلَدِ آدَمَ وَأَكْرَمُهُمْ عَلَى اللَّهِ وَلَا فَخْرَ.

"Aku adalah anak Adam yang paling bertaqwa dan mulia di sisi Allah S.W.T, namun tidaklah aku bermegah-megah dengannya."<sup>35</sup>

Pada kesempatan yang lain, Baginda s.a.w bersabda:

أَنَا أَكْرَمُ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَلَا فَخْرَ.

"Aku adalah manusia yang paling mulia di antara manusia yang pertama dan terakhir dan tidaklah aku bermegah-megah dengannya."<sup>36</sup>

Di dalam hadis Abu Sa'id r.a. berkata: Sabda Rasulullah s.a.w:

أَنَا سَيِّدُ وَوَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا فَخْرَ، وَيَدِي لَوَاءُ الْحَمْدِ وَلَا فَخْرَ،

<sup>35</sup> Riwayat Imam Tabrani dan al Baihaqi di dalam *al Dala'il*.

<sup>36</sup> Riwayat Imam al Tirmizi dan al Darimi.

وَمَا مِنْ نَبِيٍّ يُؤْمِدُ آدَمَ فَمِنْ سِوَاهُ إِلَّا تَحْتَ لَوَائِي، وَأَنَا أَوَّلُ مَنْ نُشْشَى  
عَنْهُ الْأَرْضُ وَلَا فِخْرَ.

*“Aku adalah penghulu anak Adam pada hari Kiamat; dan tidaklah aku berbangga-bangga dengannya. Di tanganku terdapat Liwa’ al Hamdi (bendera yang dipuji); aku juga tidak bermegah-megah dengannya. Tidak ada seorang Nabi pun pada hari itu (Kiamat); baik Adam mahupun yang lain, kecuali semuanya berada di bawah naungan benderaku. Aku juga orang pertama yang dibongkarkan dari bumi dan tidaklah aku berbangga dengannya.”<sup>37</sup>*

Diriwayatkan daripada Anas ibn Malik r.a., beliau berkata: Sabda Rasulullah s.a.w:

أَنَا أَوَّلُ النَّاسِ خُرُوجًا إِذَا بُعِثُوا، وَأَنَا خَطِيبُهُمْ إِذَا وَقَدُوا، وَأَنَا مُبَشِّرُهُمْ  
إِذَا أَيْسُوا، لَوَاءُ الْحَمْدِ يُؤْمِدُ بِيَدِي، وَأَنَا أَكْرَمُ وَلَدِ آدَمَ عَلَى رَبِّي وَلَا  
فِخْرَ.

*“Aku adalah orang yang pertama keluar apabila mereka dibangkitkan. Aku adalah juru cakap mereka apabila mereka berbondong-bondong datang menemui Allah S.W.T dan aku juga pemberi khabar gembira bagi mereka apabila mereka berputus asa. Pada hari (Kiamat) itu, Liwa’ al Hamdi (Bendera Yang Terpuji)*

<sup>37</sup> Riwayat Imam Tirmizi. Beliau berkata: Hadith ini adalah hasan sohih.

---

*berada di tanganku. Aku juga adalah semulia-mulia anak Adam di sisi Tuhanku tetapi tidaklah aku bermegah-megah dengannya.*<sup>38</sup>

Dikatakan keterlaluhan, apabila kita memuji Baginda s.a.w seperti kaum Nasrani memuji Nabi Isa a.s. yang menganggap Nabi Isa a.s. itu anak Tuhan dan menyamakan kedudukan Baginda s.a.w dengan Allah S.W.T. Pelampauan ini tidak terdapat di dalam **Maulid Barzanji** kecuali jika Anti Barzanji tidak dapat memahaminya dengan makna yang betul.

### **ISU MENYERU NAMA NABI S.A.W**

Para penolak kitab ini menyatakan bahawa kekarutan yang berlaku ketika membaca kitab **Maulid Barzanji** ialah menganggap Baginda s.a.w datang dalam majlis tersebut. Maka mereka menyeru nama Baginda s.a.w sambil berdiri seperti yang terdapat dalam **Maulid Barzanji Nazam**, “Ya Nabi! Ya Rasul! Ya Habibi! Perkataan seperti ini banyak diungkapkan di dalam **Maulid Barzanji Nazam** ketika berdiri yang ditulis oleh cicitnya.

Permasalahan ini telah dijawab oleh ulama’ dengan panjang lebar dan saya sendiri telah menulis mengenainya. Namun, di dalam ruangan yang terhad ini, saya hanya mengetengahkan jawapannya yang saya petik dari kitab **Mafahim Yajibu an Tusohhah** karangan guru kami al Muhaddith Prof. Dr. Sayyid Muhammad ibn ‘Alawi al Maliki’ mengenai tajuk **Tawassul Kaum Muslimin Dengan Nabi Muhammad s.a.w Dalam Perang Yamamah**:

“Ibnu Kathir menyebut bahawa syiar atau slogan orang-orang Islam dalam peperangan Yamamah ialah: “**Ya Muhammadaah (Wahai Nabi Muhammad! Tolonglah).**”

---

<sup>38</sup> Riwayat al Tirmizi.

Beliau berkata sebagaimana nasnya:

"Khalid ibn al Walid" membawa bendera hingga berjaya melintasi kawasan musuh. Setelah itu, beliau melalui bukit, dan memerhatikan bagaimana caranya beliau dapat sampai dekat dengan Musailamah al Kazzab dan membunuhnya. Kemudian beliau kembali semula kepada barisan tentera. Lalu beliau berhenti di antara dua saf tentera dan berseru kepada tentera musuh untuk berlawan seorang lawan seorang, dengan katanya, "Aku adalah putera al Walid yang datang semula, aku adalah putera 'Aamir dan Zaid." Kemudian dia melaungkan syiar kaum Muslimin iaitu, "**Ya Muhammadaah!**"<sup>39</sup>

Seterusnya, beliau menyambung tajuk "Bertawassul Dengan Nabi s.a.w Ketika Sakit dan Ditimpa Mala Petaka.

Daripada al Haitham ibn al Khannas berkata: Pada suatu hari, ketika kami bersama Abdullah ibn Umar r.a., kakinya terasa kejang. Lalu seorang lelaki berkata kepadanya, "Sebutlah nama manusia yang paling kamu kasihi." Maka dia menyebut, "Wahai Muhammad!" Maka kekejangan kakinya pun sembuh.

Dalam satu riwayat daripada Mujahid r.a.: "Pada suatu hari, kaki seorang lelaki menjadi kebas ketika sedang bersama Ibnu Abbas r.a. Maka Ibnu Abbas r.a. berkata kepadanya, "Sebutlah nama orang yang paling kamu kasihi." Maka dia berkata, "Muhammad." Rasa kebas kakinya tiba-tiba hilang.<sup>40</sup>

Maka ini adalah tawassul dalam bentuk seruan.<sup>41</sup>

---

<sup>39</sup> Ibnu Kathir, **al Bidayah wa al Nihayah**, 6/324.

<sup>40</sup> Kisah ini disebut oleh Syeikh Ibnu Taimiyyah di dalam **al Kalim al Toyyib** di dalam bahagian ke-47 H: 165.

<sup>41</sup> Al Muhaddith Prof. Dr. Sayyid Muhammad ibn 'Alawi al Maliki, **Mafahim Yajibu an Tusohhah** H: 152.

## SERUAN BERBENTUK MAJAZ

Demikian juga nazam yang mengandungi seruan kepada Nabi s.a.w seperti:

يَا غِيَاثِي يَا مَلَاذِي      \*\*      فِي مُلَمَّاتِ الْأُمُورِ

*“Wahai penolong dan tempat pengaduanku ketika berada di dalam kesusahan/ ditimpa bencana;*

يَا وَكِيَّ الْحَسَنَاتِ      \*\*      يَا رَفِيعَ الدَّرَجَاتِ

*“Wahai Nabi yang menguruskan kebaikan-kebaikan! Wahai Nabi yang meninggikan darjat-darjat! dan sebagainya.*

Jawapan yang paling mudah, saya ketengahkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Syazan, daripada hadis Abdullah ibn Mas'ud r.a. berkata:

*“Kami tidak pernah melihat Rasulullah s.a.w menangis dengan tangisan yang lebih menyedihkan daripada tangisannya atas (kewafatan) Hamzah ibn Abdul Muttalib r.a.. Baginda s.a.w meletakkan jenazahnya ke arah Kiblat, lalu berdiri di hadapan jenazahnya, dan Baginda s.a.w menangis sehingga tersedu-sedu, lalu bersabda:*

يَا حَمْزَةَ! يَا عَمَّ رَسُولِ اللَّهِ! وَأَسَدَ اللَّهِ وَأَسَدَ رَسُولِهِ! يَا حَمْزَةَ يَا فَاعِلَ  
 الْخَيْرَاتِ! يَا حَمْزَةَ يَا كَاشِفَ الْكُرْبَاتِ! يَا حَمْزَةَ يَا دَابَّأً عَنْ وَجْهِ رَسُولِ  
 اللَّهِ!

*“Wahai Hamzah! Wahai bapa saudara Rasulullah! Singa Allah S.W.T dan singa RasulNya! Wahai Hamzah, si pembuat pelbagai kebaikan! Wahai Hamzah, orang yang melepaskan kesusahan! Wahai yang mempertahankan wajah Rasulullah!”<sup>42</sup>*

Rasulullah s.a.w sendiri pernah mengucapkan perkataan yang seumpama dengan perkataan di atas. Jika orang yang mengucapkannya dikira sebagai syirik sebagaimana yang dikatakan oleh Anti Barzanji, maka bagaimana pula dengan ucapan Rasulullah s.a.w ini? Adakah golongan Anti Barzanji mahu menggolongkan Penghulu segala Rasul dan sekalian manusia dalam kumpulan yang dikategorikan oleh mereka sebagai sesat dan pelaku syirik?

Begitu juga ungkapan dalam bait yang lain:

كَفِّرْ عَنِّي الدُّوْبَ \* \* \* وَأَغْفِرْ عَنِّي السَّيِّئَاتِ

*“Hapuskanlah daripadaku dosa-dosa dan ampunilah daripadaku segala kejahatan.”*

Maksud bait ini, bukannya Nabi s.a.w yang menghapuskan dosa kerana perkara semudah ini pun diketahui oleh orang jahil.

<sup>42</sup> Al Mawahib al Laduniyyah H: 212

Permohonan seumpama ini diungkapkan bagi memohon supaya Baginda s.a.w mengucapkan istighfar kepada Allah S.W.T bagi orang yang memohon. Tidak mustahil ucapan ini didengari oleh Nabi s.a.w kerana setiap amalan kita akan dihadapkan atau dibentangkan di hadapan Nabi s.a.w, sebagaimana yang disebut di dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a., Rasulullah s.a.w bersabda:

حَيَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ تُحَدِّثُونَ وَيُحَدِّثُ لَكُمْ، وَوَفَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ تُعْرَضُ عَلَيَّ  
أَعْمَالِكُمْ. فَمَا رَأَيْتُ مِنْ خَيْرٍ حَمَدْتُ اللَّهَ عَلَيْهِ، وَمَا رَأَيْتُ مِنْ شَرٍّ<sup>43</sup>  
اسْتَغْفَرْتُ لَكُمْ.

*“Kehidupanku adalah baik bagi kamu, kamu berbicara (bertanya masalah dan hukum kepada Baginda s.a.w) dan dibicarakan bagi kamu (dengan wahyu dan syari’ah daripada Allah S.W.T melalui perantaraan Baginda s.a.w). Kewafatanku juga adalah baik bagi kamu kerana dibentangkan amalan kamu ke atasku. Apa yang aku lihat dari amalan itu baik, maka aku memuji Allah S.W.T dan apa yang aku lihat dari amalan itu jahat, aku memohon keampunan kepada Allah S.W.T untuk kamu.”<sup>43</sup>*

Permasalahan ini juga dijawab dengan panjang lebar di dalam kitab **Mafahim Yajibu ‘an Tusohhah**:

Berkata al Imam al Hafiz Syeikh ‘Imaduddin Ibnu Kathir رحمته: Telah menyebut suatu jema’ah; di antara mereka ialah Syeikh Abu Mansur al Sobbagh di dalam kitabnya **al Syamil** tentang hikayat yang masyhur mengenai ‘Utbi. ‘Utbi menceritakan:

<sup>43</sup> Al Haithami mengatakan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh al Bazzar, dan rijalnya adalah sohih.

“Ketika aku sedang duduk di sisi Maqam Nabi s.a.w, datang seorang Arab Dusun, lalu mengucapkan: “Salam sejahtera ke atasmu, wahai Rasulullah s.a.w! Aku telah mendengar Allah S.W.T berfirman:

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ  
لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٤٤﴾

“Seandainya mereka telah menganiaya diri mereka (membuat dosa), lalu mereka datang kepadamu (Nabi Muhammad s.a.w) dan memohon keampunan kepada Allah S.W.T dan Rasul juga memohon keampunan bagi mereka, nescaya mereka akan mendapati Allah S.W.T Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”<sup>44</sup>

قَدْ جِئْتُكَ مُسْتَغْفِرًا لِدُنْيِي مُسْتَشْفِعًا بِكَ إِلَىٰ رَبِّي

“Sesungguhnya aku telah datang kepadamu kerana memohon keampunan dari segala dosaku, dan mengharapkan syafa’atmu kepada Tuhanku.”

Setelah itu, dia mendendangkan beberapa bait syair:

يَا خَيْرَ مَنْ دُفِنَتْ بِالْقَاعِ أَعْظَمُهُ \* \* \* فطَابَ مَنْ طِيهِنَ الْقَاعِ وَالْأَكْم

<sup>44</sup> Al Nisaa' : 64.



نَفْسِي الْفِدَاءُ لِقَبْرِ أَنْتَ سَاكِنُهُ \*\* فِيهِ الْعَفَافُ وَفِيهِ الْجُودُ وَالْكَرَمُ

*“Wahai penghuni kuburan yang tulang-belulangannya di tanah yang suci ini, kerana kandungannya yang baik, tanah dan bukitnya juga dipuji-puji.”*

*“Jiwaku bersedia berkorban terhadap orang yang mendiami kuburan ini. Yang bersifat bersih diri, murah hati lagi dihormati.”*

Kemudian orang Arab Dusun itu pun beredar. Peristiwa tersebut terbawa-bawa ke dalam tidurku, lalu aku bermimpi melihat Nabi s.a.w bersabda kepadaku, “Wahai ‘Utbi! Pergi dapatkan lelaki itu dan sampaikan berita gembira kepadanya, bahawa Allah S.W.T telah mengampunkan dosanya.”

Kisah ini telah diriwayatkan oleh Imam Nawawi r.a. di dalam kitabnya yang dikenali dengan **al Idhah**<sup>45</sup>. Ia juga diriwayatkan oleh al Hafiz ‘Imaduddin Ibnu Kathir r.a. di dalam Tafsirnya yang begitu masyhur ketika mentafsirkan firman Allah S.W.T di atas.

Kisah ini turut diriwayatkan oleh Syeikh Abu Muhammad Ibnu Qudamah r.a. di dalam kitabnya **al Mughni**<sup>46</sup>. Ia juga dinaqalkan oleh Syeikh Abu al Farj Ibnu Qudamah r.a. di dalam kitabnya **al Syarh al Kabir**<sup>47</sup>. Selain itu, ia juga dinaqalkan oleh Syeikh Mansur ibn Yunus al Buhuti r.a. di dalam kitabnya yang dikenali dengan **Kasyshaf al Qina’**; salah sebuah kitab termasyur dalam mazhab Hanbali<sup>48</sup>.

<sup>45</sup> **Al Idhah**: H: 498

<sup>46</sup> **Al Mughni**, Jld 3, H: 556.

<sup>47</sup> **Al Syarh al Kabir**, Jld 3, H: 495.

<sup>48</sup> **Kasyshaf al Qina’**, Jld 5, H: 30.

---

Saya mengingatkan supaya golongan sebegini tidak terlalu memudah-mudahkan urusan mensyirikkan orang lain. Apabila Anti Barzanji mensyirikkan orang yang membaca **Maulid Barzanji** ini, bermakna mereka juga mensyirikkan semua orang yang beramal dengan cara ini, termasuk pengarang dan majoriti umat Islam yang membaca Maulid Barzanji.

**Persoalannya:**

- 1) Pengarang **Maulid Barzanji** yang mulia ini merupakan seorang Mufti Mazhab Syafi'i di Madinah. Adakah penduduk dan ulama' di Madinah ketika itu bersepakat untuk melantik seorang musyrik sebagai mufti mereka? Ternyata keilmuannya juga tinggi dan tidak boleh dipertikaikan sewenang-wenangnya dan siapa pula kita dan kedudukan ilmu kita jika dibandingkan dengan beliau?
- 2) Kitab **Maulid Barzanji** bukan sahaja digunapakai oleh penduduk kampung tetapi oleh ramai ulama' besar dunia Islam. Apakah mereka juga tidak tahu tentang perkara-perkara atau perkataan yang membawa kesyirikan sehingga mereka menganjurkan meninggalkan bacaan kitab ini?
- 3) Kitab **Maulid Barzanji** telah digunapakai semenjak sekian lama, kenapa pula baru hari ini ada orang yang menyatakan kitab ini menghancurkan tauhid dan penuh karut marut? Apakah hanya sekarang ini, baru ada ulama' yang jernih dan bersih tauhidnya? Apakah Anti Barzanji sahaja yang memahami tauhid yang sebenar? Bagaimana dengan jaguh-jaguh ulama' yang menerima dan membaca kitab Maulid Barzanji?

Sebagai seorang Muslim, walau pun sejahil-jahil Muslim, apabila menyebut perkataan di atas atau yang seumpamanya, dia tidak akan mengi'tiqadkan bahawa Rasulullah s.a.w yang

menghapuskan dosa dan kesulitan. Banyak perkara di dalam kehidupan kita bersandar kepada sebab dan tidak terus kepada **Musabbib al Asbab** (Allah S.W.T). Misalnya dalam hal yang mengenyangkan dan menyembuhkan penyakit. Kita biasanya menyebut, "Makanan ini yang mengenyangkan dan ubat yang menyembuhkan."

Perkara seperti ini termasuk dalam **majaz aqli** atau kiasan iaitu memindahkan maksud ucapan kepada makna yang lain. Guru kami, Prof. Dr. Sayyid Muhammad Alawi dan Dr. Isa ibn Abdillah Mani' al Himyari telah membahaskan perkara ini dengan panjang lebar di dalam kitab masing-masing. Bahkan, penggunaan majaz adalah penting bagi memahami ayat-ayat al Quran. Imam Ibnu Qutaibah menyatakan:

لَوْ كَانَ الْمَجَازُ كَذِبًا كَانَ أَكْثَرَ كَلَامِنَا فَاسِدًا

*"Sekiranya majaz adalah dusta, maka kebanyakan kata-kata kita adalah fasid."*

Imam al Zarkasyi r.a. menyatakan:

لَوْ سَقَطَ الْمَجَازُ مِنَ الْقُرْآنِ سَقَطَ شَطْرُ الْحَسَنِ

*"Sekiranya majaz terjatuh dari al Quran, nescaya terjatuhlah sebahagian daripada kebaikan."*

Prof. Dr. Sayyid Muhammad ibn 'Alawi al Maliki □ menulis di dalam kitabnya **Mafahim Yajibu an Tusohhah**:

"Tidak diragui lagi, bahawa **majaz 'aqli** sering digunakan, baik dalam al Quran mahupun hadis. Di antaranya, firman Allah S.W.T

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٤٩﴾

“Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatnya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah”<sup>49</sup>

Menyandarkan penambahan iman kepada ayat-ayat al Quran merupakan **majaz ‘aqli**, kerana (pembacaan) ayat-ayat itu hanyalah sebab bertambahnya keimanan, sedangkan yang menambahkan keimanan mereka sebenarnya ialah Allah S.W.T.

Begitu juga firman Allah S.W.T:

يَوْمًا سَجَعَلُ الْوَالِدَانَ سُيُبًا ﴿٥٠﴾

“Hari yang huru-haranya menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban?”<sup>50</sup>

Sesungguhnya, “hari yang menjadikan anak-anak itu beruban” hanyalah ungkapan **majaz ‘aqli**, kerana hari Kiamat merupakan tempat kejadian anak-anak segera menjadi tua dan beruban. Kita mengetahui dengan pasti, bahawa yang menjadikan anak-anak itu beruban hanyalah Allah S.W.T ”.

Manakala contoh yang lain, firman Allah S.W.T:

وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا ﴿٢٣﴾ وَقَدْ أَضَلُّوا كَثِيرًا

<sup>49</sup> Al Anfaal: 2.

<sup>50</sup> Al Muzammil: 17

---

*“Dan Yaghuth dan Ya’uuq serta Nasr. Dan sesungguhnya ketua-ketua itu telah menyesatkan kebanyakan (dari umat manusia).”<sup>51</sup>*

Kalimah (yang menyesatkan manusia adalah berhala-berhala) itu adalah **majaz ‘aqli**, kerana berhala-berhala hanyalah menjadi sebab bagi sesatnya manusia. Padahal yang memberikan hidayah atau menyesatkan sebenarnya hanyalah Allah S.W.T

Dalam perenggan yang lain beliau menyambung:

Dalam hadis Nabi Muhammad s.a.w pun banyak ungkapan yang mengandungi **majaz ‘aqli**, yang hanya dapat diketahui oleh orang yang ahli dalam ilmu **Balaghah**. Bagi orang yang mengerti ungkapan **haqiqi** dan **majazi** (kiasan), tentu tidak memerlukan penjelasan yang panjang lebar berkenaan dengan masalah ini.

Ulama’ mengatakan, “Jika penyandaran ini keluaranya daripada ahli tauhid, sudah cukup untuk memahami ucapan tersebut sebagai penyandaran **majazi**”. Ini kerana, i’tiqad yang sohih ialah i’tiqad bahawa pencipta hamba-hamba Allah S.W.T dan perbuatan mereka ialah Allah S.W.T”, tiada selainNya yang mempunyai pengaruh dan kesan; baik yang masih hidup, mahupun yang telah mati. I’tiqad ini adalah tauhid yang murni dan selain itu adalah syirik.<sup>52</sup>

---

<sup>51</sup> Nuh: 23-24

<sup>52</sup> Terjemahannya terdapat di dalam kitab kami bertajuk **Kefahaman Yang Wajib Diperbetulkan** H:202-204.

### **TUDUHAN YANG MENGATAKAN DI DALAM MAULID BARZANJI TERDAPAT DOKTRIN SYI'AH**



Di antara perkara yang seringkali dibangkitkan oleh golongan yang memerangi amalan Barzanji dan Maulid Nabi s.a.w ialah dakwaan mereka bahawa di dalamnya terdapat doktrin dan unsur-unsur Syi'ah. Mereka mendakwa dan melakukan tuduhan melulu ini ketika masyarakat Islam berdiri mengucapkan:

مَرْحَبًا يَا جَدَّ الْحَسَنِينِ

*"Selamat datang, wahai nenda al Hasan dan al Husain!"*

Dakwaan dan tuduhan ini adalah sangat longgar dan lemah, apatah lagi sekiranya ia ditimbang melalui neraca ilmiah. Kenyataan ini tidak lain hanyalah lahir dari perasaan buruk sangka dan rasa benci terhadap mereka yang memuliakan ahli keluarga Nabi s.a.w dan majlis-majlis yang melambangkan syiar Islam.

Kita seharusnya memahami bahawa Ahli Sunnah wa al Jama'ah adalah golongan yang paling adil dalam mempamerkan rasa kecintaan mereka terhadap ahli keluarga Nabi s.a.w Mereka memuji-muji, menyebut dan memuliakan ahli keluarga Baginda s.a.w dan dalam masa yang sama mereka mengiktiraf kelebihan

para sahabat r.a. tanpa mengkafirkan seorang pun daripada mereka.

Pegangan ini sangat berbeza dengan kaum Khawarij dan Syi'ah yang mengiktiraf salah satu dari dua kelompok dan mengkafirkan kelompok yang lain.

Golongan Anti Barzanji ini haruslah bersikap adil dan teliti kerana kesilapan mereka dalam mengeluarkan kenyataan secara melulu akan memakan diri mereka sendiri serta memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat tentang siapa diri mereka yang sebenar. Adakah adil, dengan hanya menyebut nama Sayyiduna Hasan r.a. dan Husain r.a. dengan niat memuliakannya dikira sebagai penyebar doktrin Syiah? Apakah salahnya kita menyebut-nyebut nama golongan yang dikasihi oleh Allah S.W.T dan RasulNya hanya untuk meluahkan rasa kasih kita terhadap mereka? Sedangkan, dalam masa yang sama kita turut mengakui bahawa memuliakan Ahli Keluarga Nabi s.a.w adalah satu perintah yang wajib dan qot'ei dari al Qur'an dan Sunnah Nabi s.a.w Allah S.W.T berfirman:

قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَىٰ ۗ

*“Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih sayang terhadap ahli keluargaku.”*

Rasulullah s.a.w bersabda:

أَذْكُرْكُمْ اللَّهُ فِي أَهْلِ الْبَيْتِ

“Aku mengingatkan kamu kerana Allah S.W.T (supaya mencintai dan memuliakan) ahli keluargaku.”<sup>53</sup>

Daripada Abi Sa'id al Khudri r.a. berkata, Rasulullah s.a.w juga bersabda:

مَنْ أَبْغَضَنَا أَهْلَ الْبَيْتِ فَهُوَ مُنَافِقٌ .

“Sesiapa yang membenci kami Ahli Bait, maka dia adalah munafiq.”<sup>54</sup>

Daripada Abu Bakar al Siddiq r.a. berkata:

ارْقُبُوا مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَهْلِ بَيْتِهِ .

“Peliharalah (jagalah) wasiat Muhammad s.a.w tentang ahli keluarganya.”<sup>55</sup>

Bahkan, kita wajib bersikap adil terhadap mereka dengan mengingati jasa-jasa mereka terhadap agama, pengorbanan mereka yang telah disumbangkan kepada umat Islam, ketaatan mereka kepada Rabbul ‘Alamin dan kesetiaan mereka kepada Sayyid al Mursalin.

<sup>53</sup> Dikeluarkan oleh Muslim, al Tirmizi, Ahmad dan al Nasa'i.

<sup>54</sup> Dikeluarkan oleh Imam al Sakhawi dalam **Istijlab** jilid 2 H: 602 Hadith no. 336. Diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad di dalam **al Manaqib** no. 1126.

<sup>55</sup> Dikeluarkan oleh Bukhari di dalam sohihnya kitab **Fadhail Sahabat Rasulullah s.a.w.** dan Muslim dalam **Kitab Iman**.

Hadith ini bermaksud, supaya orang Islam memuliakan Nabi s.a.w. dengan menjaga hak dan kemuliaan ahli keluarganya. Berkata Ibnu 'Allan bahawa Imam Nawawi (penulis kitab **Riyadh al Solihin**) mengertikan makna perkataan 'peliharalah' dan 'jagalah' dalam hadith di atas dengan maksud peliharalah, hormatilah dan muliakanlah.



Sikap yang kita ambil ini, harus bertitik tolak daripada niat demi memperolehi keredhaan Allah S.W.T semata-mata. Tidak ada alasan bagi kita untuk menuduh orang yang mencintai Ahli Bait sebagai Syi'ah, baik mereka yang bersikap ekstrim seperti kaum Rafidhah atau lain-lainnya.

Oleh kerana itu, tepat sekali jawapan yang diberikan oleh Imam Syafi'i r.a. terhadap tuduhan tersebut dengan katanya:

إِنْ كَانَ رَفِضًا حُبُّ آلِ مُحَمَّدٍ \*\* فَلْيَشْهَدْ التَّقْلَانَ أَتَى رَافِضِي

*“Kalaulah mencintai Ahli Bait dituduh sebagai kaum Rafidhi (iaitu kaum Syi'ah Rafidhah), maka manusia dan jin akan menyaksikan bahawa aku adalah Rafidhi.”*

Bukan sekadar itu sahaja, beliau menekankan tuntutan ini dengan memandangnya sebagai suatu kewajipan individu Muslim. Dalam syairnya yang lain, beliau mengungkapkan:

يَا آلَ بَيْتِ رَسُولِ اللَّهِ حُبُّكُمْ \*\* فَرَضٌ مِنَ اللَّهِ فِي الْقُرْآنِ أَنْزَلَهُ  
يَكْفِيكُمْ مِنْ عَظِيمِ الْفَخْرِ أَنْكُمْ \*\* مَنْ لَمْ يُصَلِّ عَلَيْكُمْ لَا صَلَاةَ لَهُ

*“Wahai Ahli Bait Rasulullah! Cinta kepada kalian adalah kewajipan yang diturunkan di dalam al Quran;*

*“Cukuplah bukti betapa tingginya nilai kalian, hingga gugurnya solat bagi orang yang tidak mengucapkan salawat bagi kalian.”*

Al Sobban berkata: Maksud “gugur solat” di atas ialah batal solat mengikut pendapat yang **marjuh** di sisi Imam Syafi'i r.a..

Manakala mengikut pendapat yang **rajih** di sisi Imam Syafi'i r.a. ialah solat yang tidak disertai dengan salawat ke atas keluarga Baginda s.a.w adalah sah tetapi kurang sempurna.

Manakala maksud 'Di dalam al Quran Allah S.W.T telah menetapkan bahawa kecintaan terhadap Ahli Bait adalah wajib', berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah al Syuura ayat 23 di atas.

Al Rabi' berkata: Ketika kami pergi mengerjakan haji bersama Imam Syafi'i r.a., kami melihat beliau tidak akan mendaki suatu tempat yang tinggi atau turun ke kawasan lembah, melainkan beliau akan menangis dan bernasyid dengan syair di bawah, menunjukkan kecintaannya yang amat mendalam terhadap keluarga Nabi s.a.w:

آل النَّبِيِّ ذُرِّيَعَتِي      \*\*      وَهُمْ إِلَيْهِ وَسِيلَتِي  
أَرْجُو لَهُمْ أُغْطَى غَدًا      \*\*      بِيدِ الْيَمِينِ صَاحِبَتِي

*"Ahli Bait Rasulullah s.a.w adalah perisaiku, dan mereka adalah wasilahku kepada Allah S.W.T. Aku berharap kelak (dengan keberkatan mereka) agar dapat diserahkan sahifahku (catatan amalan) dengan tangan kananku."<sup>56</sup>*

Memang benar Imam Syafi'i r.a. amat mengasihi Imam Ali k.w. dan kaum 'Alawiyyin, tetapi beliau menyembunyikan kecintaannya itu. Di negeri Yaman, terdapat banyak kaum 'Alawiyyin. Ketika berada di sana, Imam Syafi'i r.a. sering menghadiri majlis-majlis ilmu yang mereka adakan, tetapi beliau

<sup>56</sup> **Diwan al Syafi'i** tahqiq Dr. Muhammad Abdul Mun'im H: 106. dan **al Bayan fi Mazhab al Imam al Syafi'i** Jilid 1 H:92.

hanya mendengar dan bukannya berbicara. Apabila ada orang bertanya mengenai sikapnya itu, beliau menjawab, “Aku tidak mahu berbicara dalam majlis yang dihadiri oleh mereka, kerana mereka lebih berhak berbicara daripada aku. Mereka juga lebih berhak terhadap hak kepimpinan dan keutamaan.”

Akibat daripada ucapannya itu, maka orang ramai mengetahui bahawa beliau amat mencintai Imam Ali k.w. dan kaum ‘Alawiyyin. Maka ada yang berkata kepadanya, “Kamu adalah kaum Syi’ah dan menjadi pengikut Ali ibn Abu Thalib r.a. Kamu juga pengikut dan pendukung anak cucunya setelah dia wafat.” Lalu Imam Syafi’i r.a. menjawab, “Wahai saudara! Bukankah Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

*“Tidak beriman seseorang kamu, sehinggalah aku lebih dikasihi daripada bapanya, anaknya dan sekalian manusia.”*

Baginda s.a.w juga bersabda:

إِنَّ أَوْلِيَّائِي مِنْ عِرَّتِي الْمَسِينِ

*“Sesungguhnya para waliku (penolongku) yang berasal dari keturunanku adalah orang-orang yang bertaqwa.”*

Sekiranya aku berhak mencintai kaum kerabatku dan sanak saudaraku andainya mereka itu orang-orang yang bertaqwa, apatah lagi keluarga Nabi s.a.w Apakah bukan daripada agama, aku mencintai keluarga Rasulullah s.a.w sekiranya mereka adalah orang-orang yang bertaqwa?

---

## BERDIRI KETIKA MEMBACA MAULID NABI S.A.W

---

Amalan berdiri ketika membaca Maulid seperti yang biasa diadakan di rumah-rumah, masjid dan surau, seakan-akan telah menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat Malaysia.

Ulama' sendiri memandang baik amalan berdiri sebagai melahirkan kegembiraan atas kelahiran seorang Nabi s.a.w pembawa cahaya dan rahmat ke seluruh alam.

Hakikatnya, yang menjadi pegangan Jumhur Ahli Sunnah sama ada Salaf mahu pun Khalaf, ialah apa yang digariskan oleh Dr. Sayyid Muhammad ibn 'Alawi al Maliki r.a. di dalam risalahnya yang tidak asing bagi penuntut kebenaran, "**Haul al Ihtifal bi Zikra al Maulid al Nabawi al Syarif**" pada halaman 41, dengan katanya:

"Adapun berdiri di dalam Maulid Nabi s.a.w ketika menyebut tentang kelahiran Baginda s.a.w dan keluarnya Baginda s.a.w ke dunia, apa yang saya ketahui, sebahagian manusia menyangka dengan sangkaan batil yang tiada asalnya di sisi ahli ilmu, bahkan di sisi sejahil-jahil manusia yang menghadiri maulid serta berdiri bersama orang-orang yang berdiri. Sangkaan buruk mereka ialah manusia yang berdiri itu beri'tiqad bahawa Nabi s.a.w masuk ke

---

dalam majlis pada waktu itu dengan jasadnya. Lebih buruk lagi, sebahagian mereka menganggap bukhur (gaharu) atau wangian yang terdapat dalam majlis tersebut disediakan untuk Rasulullah s.a.w. Bahkan, air yang diletakkan di tengah-tengah majlis, dianggap disediakan untuk diminum oleh Rasulullah s.a.w.

Tetapi, sangkaan-sangkaan buruk ini tidak pernah terlintas di fikiran orang-orang Islam yang berakal. Kami berlepas diri dari segala sangkaan tersebut kerana anggapan sedemikian mengandungi unsur-unsur penghinaan terhadap kedudukan Rasulullah s.a.w dan menghukum ke atas jasad Baginda s.a.w dengan sesuatu yang tidak dii'tiqadkan melainkan oleh penyeleweng yang tertipu. Perihal alam barzakh tidak diketahui melainkan Allah S.W.T.

Nabi s.a.w adalah terlalu tinggi daripada apa yang diperkatakan, lebih sempurna dan lebih besar daripada dikatakan bahawa Baginda s.a.w keluar dari kuburnya dan menghadiri dengan jasadnya dalam majlis sekian... pada waktu sekian.

Saya tegaskan, bahawa ini adalah pembohongan yang diada-adakan semata-mata dan mengandungi unsur-unsur penghinaan dan memburuk-burukkan Baginda s.a.w yang bersumberkan dari golongan yang anti dan hasad, atau pun orang jahil yang keras kepala.

Memang benar, kami beri'tiqad bahawa Nabi s.a.w hidup di alam barzakhnya secara sempurna dan layak dengan maqamnya. Dari keadaan kehidupannya yang sempurna dan berkedudukan yang tinggi itu, maka ruhnyanya sentiasa berlegar-legar di malakut Allah S.W.T dan membolehkan dia hadir dalam majlis-majlis kebaikan, cahaya dan ilmu. Demikian juga, ruh-ruh orang Mukmin yang suci dari kalangan pengikut Baginda s.a.w.

Imam Malik r.a. pernah berkata:

بَلَّغَنِي أَنَّ الرُّوحَ مُرْسَلَةٌ تَذْهَبُ حَيْثُ شَاءَتْ

*“Telah sampai kepada saya bahawa ruh (yang dikurniakan nikmat) itu dilepaskan (bebas) dan boleh pergi ke mana sahaja yang ia kehendaki.”*

Salman al Farisi r.a. mengatakan, bahawa dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w, bersabda:

أَرْوَاحُ الْمُؤْمِنِينَ فِي بَرْزَخٍ مِنَ الْأَرْضِ تَذْهَبُ حَيْثُ شَاءَتْ

*“Roh-roh orang Mukmin berada di alam barzakh yang (tidak jauh) dari bumi, dia terlepas dan dapat pergi ke mana sahaja yang dia kehendaki.”<sup>57</sup>*

Apabila kamu telah ketahui perkara ini, maka ketahuilah bahawa berdiri dalam majlis maulid Nabi s.a.w bukannya perkara wajib atau pun sunat. I'tiqad sedemikian adalah tidak sah selamanya. Ia hanyalah pergerakan yang menggambarkan kegembiraan dan keriangannya mereka. Apabila disebut bahawa Rasulullah s.a.w dilahirkan ke dunia ini, pendengar akan menggambarkan pada waktu itu bahawa seluruh alam bergegar dan bergetar kegembiraan dengan nikmat ini. Maka berdiri adalah sebagai menzahirkan kegembiraan dan keriangannya tersebut. Ini adalah permasalahan biasa sahaja bukannya permasalahan agama, ibadat, syariat atau pun sunnah. Ia tidak lain hanyalah suatu adat yang berlangsung dalam kehidupan manusia.”

Berdiri dalam peringatan maulid juga bukannya perkara yang diwajibkan dan bukanlah perkara bid'ah yang tidak ada asalnya. Tetapi ia merupakan bid'ah hasanah untuk membesarkan

<sup>57</sup> Demikian disebutkan di dalam kitab **al Roh** karangan Ibnu al Qayyim H:144.

Rasulullah s.a.w dan sebagai mencerminkan kegembiraan seluruh alam bagi menyambut nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. Oleh kerana itu, ia dikatakan sunat berdasarkan kaedah pembahagian bid'ah kepada lima.

Hal ini turut diperjelaskan oleh Syeikh Ja'far al Barzanji r.a. sendiri, sebagaimana yang disebut di dalam kitab Maulidnya:

وقد استحسن القيام عند ذكر مولده الشريف أئمة دؤو رواية وروية،  
فطوبى لمن كان تعظيمه صلى الله عليه وسلم غاية مرامه ومرماه

**“Di kalangan ulama’ yang mempunyai riwayat dan penelitian, memandang baik terhadap perbuatan berdiri pada saat-saat kisah kelahiran Baginda s.a.w disebutkan. Maka beruntung dan berbahagialah bagi mereka yang melakukannya dengan tujuan untuk membesarkan Nabi s.a.w.”**

Jelas, Syeikh al Barzanji r.a. menyatakan bahawa ahli ilmu telah mensunnahkan perbuatan berdiri ini. Ia tiada kaitannya dengan dosa atau melanggar ketentuan syariat. Namun, sikap tidak mahu berdiri mungkin menimbulkan pentafsiran bahawa sikap seperti ini adalah tidak sopan sepertimana dalam suatu adat istiadat seseorang tidak mahu berdiri ketika kedatangan orang-orang besar. Maka sikap tersebut dipandang sebagai tidak sopan di mata masyarakat.

Berdiri ketika membaca peringatan maulid menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat Islam di pelbagai pelusuk negara, negeri dan daerah. Begitu juga para ulama’ di serata Timur dan Barat memandang baik terhadap perbuatan ini kerana tujuannya tidak lain dan tidak bukan untuk memuliakan dan membesarkan Baginda s.a.w. Apa yang dipandang baik oleh kaum Muslimin,

maka ia adalah baik di sisi Allah S.W.T, dan apa yang dipandang buruk oleh umat Islam, maka ia adalah buruk di sisi Allah S.W.T.

Berdiri untuk menghormati orang-orang yang mulia, sememangnya disyariatkan oleh agama Islam berdasarkan dalil Sunnah yang banyak. Imam Nawawi r.a. sendiri telah menulis bab ini secara khusus di dalam kitabnya dan disokong pula oleh Ibnu Hajar rahimahullah yang menolak sanggahan Ibnu al Haj r.a. terhadap Imam Nawawi r.a.

Ketika berkhotbah, Rasulullah s.a.w sendiri mengucapkan di hadapan orang-orang Ansar:

قُومُوا إِلَىٰ سَيِّدِكُمْ

*“Hendaklah kamu berdiri kepada ketua kamu.”*

Di dalam hadis di atas, Rasulullah s.a.w menyuruh mereka berdiri untuk memuliakan Sayyiduna Sa’ad r.a. dan bukannya kerana Sayyiduna Sa’ad r.a. sakit. Sekiranya sedemikian, maka tentulah Baginda s.a.w akan berkata, “Bangunlah kepada pesakit kamu” dan bukannya “Bangunlah kepada ketua kamu.”

Rasulullah s.a.w sendiri memberikan tauladan kepada umatnya supaya berdiri menyambut tetamu yang datang ke rumah sebagaimana yang biasa dilakukan kepada anakandanya Fatimah al Zahra’. Ini menunjukkan bahawa berdiri kerana menghormati dan memuliakan seseorang adalah disyariatkan di dalam Islam. Apatah lagi, terhadap Rasulullah s.a.w yang lebih berhak dihormati dan dimuliakan.

Telah disepakati oleh ulama’, bahawa pernah sekali ketika berakhirnya majlis pengajian Syeikh al Islam Taqiyyuddin al Subki r.a., ada seseorang membacakan qasidah yang dikarang oleh



Imam Abu Zakaria Yahya al Sorsori al Hanbli r.a.. Apabila bacaan qasidah sampai kepada perkataan:

أَنْ يَنْهَضَ الْأَشْرَافُ عِنْدَ سَمَاعِهِ \*\* قِيَامًا صُفُوفًا أَوْ جِيًّا عَلَى الرَّكْبِ

*“Dan bangun orang-orang yang mulia ketika mendengar maulid, dalam keadaan berdiri bersaf-saf atau berdiri di atas dua lutut mereka.”<sup>58</sup>*

Maka Imam al Subki r.a. bingkas bangun kerana melakukan sebagaimana yang disebut di dalam qasidah al Sorsori tersebut. Pada ketika itu, semua orang yang berada di dalam majlis tersebut turut berdiri. Dari perbuatan mereka tersebut, terpancar kebesaran Rasulullah s.a.w di hati-hati mereka.<sup>59</sup>

Cukuplah bagi kita mengikut apa yang dilakukan oleh Imam Subki r.a. di atas, kerana dimaklumi bahawa beliau merupakan ulama’ besar mazhab Syafi’i. Dalam peristiwa ini, terdapat ulama’ lain dari kalangan ahli feqah dan hadis. Mereka tidak membangkang perbuatan Imam Subki r.a. ini, malah mereka juga mengikut serta berdiri memuliakan Rasulullah s.a.w.

Mufti Mazhab Syafi’i di Makkah al Mukarramah dan Tenaga pengajar di Masjid al Haram Sayyid Ahmad Zaini Dahlan r.a. berkata:

<sup>58</sup> Sambungan syairnya adalah seperti berikut:

أَمَّا اللَّهُ تَعَالَى لَهُ كَبَّ اسْمُهُ \* \* \* عَلَى عَرْشِهِ يَا رَبَّةَ سَمَتِ الرَّكْبِ

**“Adapun Allah membesarkan namanya dengan menulis namanya di atas ‘Arasy. Wahai makhluk (RasulullahS) yang mempunyai kedudukan dan pangkat yang melebihi pangkat-pangkat makhluk yang lain!”**

<sup>59</sup> Disebut oleh anaknya al Taj al Subki di dalam kitab Biografinya. Sila lihat kitab **al Kaukab al Anwar ‘ala ‘Iqd al Jauhar** karangan Syeikh Ja’far al Barzanji H: 170-171.

جَرَّتِ الْعَادَةُ أَنَّ النَّاسَ إِذَا سَمِعُوا ذِكْرَ وَضْعِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
يُقُومُونَ تَعْظِيمًا لَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَهَذَا الْقِيَامُ مُسْحَسَنٌ لِمَا فِيهِ  
مِنْ تَعْظِيمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَقَدْ فَعَلَ ذَلِكَ كَثِيرٌ مِنْ عُلَمَاءِ  
الْأُمَّةِ الَّذِينَ يُقْتَدَى بِهِمْ .

*“Telah menjadi kebiasaan bagi orang apabila mendengar tentang berita kelahiran Rasulullah s.a.w, akan bangun berdiri kerana memuliakan dan membesarkan kedudukan Rasulullah s.a.w. Berdiri ketika itu adalah suatu perkara yang baik kerana dasarnya adalah untuk membesarkan Nabi s.a.w Sesungguhnya telah melakukan yang demikian itu, sebahagian besar daripada ulama’ ikutan umat.”*

Abdul Muttalib r.a., ketika mendengar berita tentang kelahiran Rasulullah s.a.w, beliau bingkas bangun bersama orang yang ada bersamanya pada ketika itu. Kemudian beliau bersegera mendapatkan Aminah bonda Rasulullah s.a.w.

## PENUTUP

Kesimpulannya, Kitab **Maulid Barzanji** tidak mengandungi kekeliruan dan permasalahan yang boleh membawa kepada keruntuhan aqidah umat Islam. Malah, tidak dapat dinafikan, kitab Barzanji telah menyumbang ke arah menyemai dan menyubur kecintaan umat Islam terhadap Rasul Junjungan s.a.w semenjak ratusan tahun tanpa membangkitkan sebarang masalah yang kritikal.

Permasalahan hanya timbul, apabila hati yang rosak membacanya, lalu membawa kepada kefahaman yang salah dan menyeleweng sehingga memfitnah Syeikh Ja'far al Barzanji r.a..

Tindakan yang perlu diambil, bukannya sembarangan melemparkan tuduhan tetapi tindakan yang sewajarnya diambil oleh orang yang berakal dan mempunyai hati yang sejahtera ialah menegur kesilapan dengan jalan yang terbaik dan mendekati umat Islam kepada isi kandungan kitab Maulid Barzanji yang cukup indah, dengan cara-cara berikut:

- 1) Menterjemahkan makna kitab **Maulid Barzanji** dengan lebih jelas dan boleh mendekati kepada pembaca
- 2) Mengadakan kelas **Maulid Barzanji** yang bukan sahaja untuk belajar lagu Barzanji tetapi belajar tentang isi kandungan kitab tersebut

- 3) Mengenali penyusun kitab **Maulid Barzanji** yang hebat dan bukan calang-calang orang untuk lebih menghayati mesej yang ingin disampaikan
- 4) Mempelbagaikan bacaan kitab maulid dalam majlis Maulid Nabi s.a.w
- 5) Terangkan tentang unsur pengajaran yang harus diambil dan diikuti daripada kitab **Maulid Barzanji** dan kitab-kitab maulid yang lain.

Tidak ada sebab untuk Anti Barzanji berusaha membubarkan kitab ini dari dibaca dalam majlis Maulid Nabi S kerana selama ini kitab inilah yang menduduki tangga teratas bagi mengingatkan umat Islam kepada Nabi s.a.w mereka yang merupakan sebaik-baik ikutan dan sepatutnya menjadi sebut-sebutan.

Justeru, seharusnya ilmuwan Islam dan insan-insan yang mengaku mencintai Nabi s.a.w berusaha untuk memahamkan umat Islam terhadap makna yang terkandung di dalam kitab ini dan membetulkan sebarang kesilapan dan bukannya mencampakkannya jauh-jauh seperti musuh-musuh Islam membakar al Quran.<sup>60</sup>

وَاللَّهُ أَكْبَرُ

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

---

<sup>60</sup> Kertas kerja ini disediakan dan dibentangkan oleh Ustaz Muhammad Fuad bin Kamaludin al Maliki dalam program Halaqah Ilmiah: Memperkasakan Kefahaman Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, anjuran Jabatan Mufti Johor pada 27 – 29 April 2008 bertempat di Tanjung Piai Resort, Pontian, Johor.